



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



Modul Pentaksiran **INTERVENSI** **MASYHUR**

PENAJA

Dr. Hayati binti Jaafar
Pakar Kanak - Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka
014 - 3157553

SPM
2024

BAHASA MELAYU

PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR

Edisi 1 : 2021

Edisi 2 : 2022

Edisi 3 : 2023

Edisi 4 : 2024

@ Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan bahan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam bahan ini.

Penerbit:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Jalan Pegawai, 77000 Jasin. Melaka

Tajaan Penerbitan:

DR. HAYATI BINTI JAAFAR

Klinik Pakar Kanak-Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka

Suntingan Grafik oleh:

Remy Azman bin Abdul Rashid

Siti Zainab binti Mat Nor

Nurul Fareha binti Rosli

Amiza binti Mad Zin

Mohammad Firdhaus bin Abu Bakar

Pegawai Unit Sumber Teknologi Pendidikan
Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

Dicetak oleh:

KHIDMAT JAYA ENT SDN. BHD

No 24 Jalan Kerambit 5, Bandar Baru Sungai Udang
76300 Melaka

Tel: 012-7215480

Email: printing@khidmatjaya.com.my

Mutiara Kata Bingkisan Hati

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.
Salam Malaysia Madani.
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.
ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya telah berjaya menerbitkan Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar Kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Dr Hayati memperuntukkan dana dengan menaja Program Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Beliau telah menaja penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur bagi 15 subjek teras dan elektif edisi ke 4. Pentaksiran ini banyak membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia khususnya untuk melaksanakan aktiviti pengayaan dan pengukuhan sebelum menduduki peperiksaan. Penggunaan pentaksiran ini menyumbang kepada peningkatan Gred Purata Daerah saban tahun. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutama barisan penulis yang telah bertungkus lumus menghasilkan pentaksiran lengkap ini. Mudah-mudahan bahan pentaksiran ini akan terus dijadikan rujukan dan refleksi terhadap inisiatif guru untuk melonjakkan kualiti pendidikan di daerah Jasin

Melalui penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini juga dapat dijadikan bahan untuk mengukuhkan lagi persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam menghadapi peperiksaan. Pentaksiran ini merupakan dokumen yang komprehensif, dinamik dan realistik bagi memantapkan intelektual murid ke arah kecemerlangan yang mampan dan memberi impak tinggi dalam kemenjadian murid dan kecemerlangan sekolah.

Oleh itu, kejayaan dalam menghasilkan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini diiringi dengan niat dan azam yang tinggi, dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dalam membentuk modal insan cemerlang di dunia dan di akhirat. Sementelahan, diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan agar melahirkan generasi masyarakat yang gemilang sesuai dengan agenda pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.
Menjana Pendidikan Ke Aras Kecemerlangan Global

MOHD YUSOF BIN SAID B.C.M
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Mengungkap Tinta Inspirasi Ilmu

TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum wbt wrt dan Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Negara Sejahtera.
#ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Taala, Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil limpah rahmat dan inayah-Nya yang tiada terhingga.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan memberikan kerjasama erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Penerbitan modul Pentaksiran Intervensi Masyhur ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen jitu daripada pihak penaja yang terlibat.

Modul ini dirancang dengan tujuan yang jelas: untuk memperkasa para pendidik dalam melaksanakan penilaian yang berfokus dan berkualiti, serta mempamerkan pelbagai teknik dan alat pentaksiran yang boleh digunakan. Diharapkan bahan ini menjadi sumber rujukan yang berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan pentaksiran di kalangan pendidik dan murid.

Pentaksiran Intervensi Masyhur bukan sekadar sebuah modul, tetapi merupakan alat penting dalam proses pengukuhan pembelajaran. Penggunaannya yang meluas merangkumi pelbagai mata pelajaran menjadikannya satu keperluan yang kritikal dalam dunia pendidikan. Keistimewaan modul ini terletak pada keseragaman dalam pentaksiran, di mana penulis merujuk kepada analisis data *Continuous Quality Improvement* (CQI@Jasin) sebagai petunjuk prestasi. Keseragaman ini memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembelajaran, di mana murid dinilai berdasarkan standard yang sama.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Kepada panel penulis yang mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, serta jawatankuasa kerja yang tidak mengenal lelah dalam memberikan sokongan logistik dan moral, jasa kalian amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga Pentaksiran Intervensi Masyhur ini mampu menjadi alat yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan melalui pentaksiran yang berstruktur dan komprehensif, serta menyumbang kepada peningkatan prestasi kejayaan calon SPM.

Sekian, terima kasih.
Mengakselerasi Pendidikan Madani

DR. HAJI MOHD ALFOZII BIN NASIR
TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

SITI SABARIAH BINTI MD IRHAM

PENYELARAS - SISC+ - PPD Jasin



RASIDAH BINTI ABD GANI

KETUA PANEL - SMK Sungai Rambai



NOR IDHZATY BINTI MOHD FARID

SMK Datuk Bendahara



WAHYUNI BINTI MARWAN

SMK Seri Bemban



NORASMAJALILA NASIHA BINTI OTHMAN

SMK Sungai Rambai




NORITA BINTI MOHAMAD

SMK Selandar



NOORAZILLAH BINTI SAMAD

SMK Simpang Bekoh



NASUHA BINTI YUSOF

SMK Datuk Bendahara



NUR WAHIDAH BINTI ALI

SMK Dato' Abdul Rahman Ya'kub



SITI FATIMAH BINTI AYUB

SMK Seri Mahkota



MOHAMAD FAIZRUL SHAM BIN ZUBIRSHAM

SM Arab Assyakirin



SET 1

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **4 halaman bercetak.**

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik dan pantun di bawah menunjukkan maklumat berkaitan jasa pahlawan. Berdasarkan maklumat berikut, huraikan pendapat anda tentang **menghargai jasa pahlawan**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Bahan 1


SAMBUTAN HARI PAHLAWAN KEMBALI SELEPAS DUA TAHUN TIDAK DIADAKAN

© 26/07/2022 03:58 PM

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) – Sambutan Hari Pahlawan yang biasanya diadakan pada 31 Julai setiap tahun ini selepas dua tahun tidak dapat diadakan berikutan negara berhadapan dengan pandemik Covid-19.

Timbalan Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Brig Jen Ahmad Yusof berkata Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah juga berkenan mencemar duli berangkat ke semua acara Hari Pahlawan tahun ini termasuk Istiadat Perbarisan Hari Pahlawan 2022 yang akan diadakan di Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya Ahad ini.

Bahan 2



Daripada Novel ke Layar Perak

Bahan 3

Pahlawan!
untukmu derita untukmu penjara
bukan bintang tersemat dada
semangatmu api negara berdaulat
namamu terukir di jantung rakyat.

(Sumber: Usman Awang, 1987,
Puisi-puisi Pilihan. Kuala Lumpur : Dewan Siswa

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi *empat* soalan. Jawab *satu* soalan.
Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Graduan bukan sekadar berdepan saingan sengit sesama sendiri, malah mereka yang diberhentikan pekerjaan. Sudah pasti, kerja kosong sedia ada tidak akan diisi dengan bakat yang tidak berbaloi oleh mana-mana syarikat. Sebab itu, penting untuk mahasiswa membuat persiapan rapi dalam pelbagai aspek dan perkara ini perlu digerakkan seawal mungkin. Jika tidak, mereka akan ditinggalkan, terutama oleh calon yang lebih berbakat dan sudah berpengalaman.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Pasaran Kerja Kian Mencabar Tuntut Graduan Persiapkan Diri”, *BH Online* , 1 April 2021)

Selain daripada respons di atas, sediakan teks pidato yang bertajuk “Persediaan Remaja Sebelum Menempuh Alam Pekerjaan”.

2.

Anak muda, mahir menempa,
Seninya halus, mengangkat budaya,
Untung tiada, bala menimpa,
Lantaran pengaruh skim cepat kaya

Bandar Cyber, gemerlap cahaya
Pembangunan pesat, sudahlah nyata,
Cinta cyber wanita terpedaya,
Wang lesap, sekelip mata

Kain bermacam sulaman tangan
Coraknya cantik kesayangan sultan,
Keselamatan terancam, hidup ketakutan,
Angkara licik, penggodam durjana

Dipetik dan diubah suai daripada :
Berita Harian, Klik „Jangan Sembarangan

Jenayah siber telah memberikan banyak kesan negatif kepada masyarakat.
Ulaskan.

3.

Tanpa perpaduan yang kukuh, keadaan negara akan menjadi kacau-bilau dan boleh memberikan impak negatif terhadap kestabilan politik dan perkembangan ekonomi negara. Bahasa merupakan alat yang mampu mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia.

Sumber: *Pelita Bahasa*

Selain usaha yang dinyatakan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

4.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Malaysia mengimport produk makanan bernilai RM75.6 bilion pada 2022 berbanding eksport bernilai RM44.6 bilion. Hal ini disebabkan oleh kuantiti makanan yang tidak mencukupi, bentuk muka bumi dan ciri-ciri iklim negara ini. Produk makanan ini terdiri daripada makanan sejuk beku, buah-buahan dan tenusu dari luar negara.

Sumber: *bharian.com.my*

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, jelaskan punca-punca yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport makanan dari negara luar bagi menampung permintaan produk makanan di Malaysia.

SET 1

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas kajang .*

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan dua kata adjektif terbitan sisipan dan satu kata adjektif terbitan awalan dan satu kata adjektif penggandaan berentak. Kemudian anda dikehendaki membina ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Bayangkan suatu temasya sukan, kesepian tanpa sorakan dan bunyi gemuruh sudah pasti amat membosankan. Sebenarnya, pasukan yang gemilang dan terpuji ialah pasukan yang ada sorak-sorai yang kreatif dan mempunyai unsur kecindan. Setiap pasukan akan memastikan atlet yang disokong berjuang “agi idup agi ngelaban” dengan sorak-sorai yang menggabungkan gerakan badan dengan seruan dan ungkapan pembakar semangat. Oleh itu, pasukan sorak memang relevan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.
[8 markah]

2. *Baca dialog di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan ayat yang bergaris sama ada ayat permintaan, ayat suruhan, ayat silaan, atau ayat larangan.*

Encik Zainal : Hai, Encik Syafiq. Silalah duduk di kerusi tu sementara saya menyelesaikan kerja pemberian makanan kepada ikan talapia ni. Lap dulu kerusi tu dengan kain buruk itu. (sambil menunjukkan kain yang tersidai pada kayu).

Encik Syafiq : Terima kasih. Jangan susah-susah kerana saya. Macamlah saya tak boleh kotor-kotor ni. Ikan peliharaan kamu nampak menjadi.

Encik Zainal : Memang menjadi jika dipelihara dengan betul. Saya perlu memberinya makan empat kali sehari. Usah kurang kerana boleh menjejaskan pertumbuhannya.

Encik Syafiq : Saya tumpang gembira dengan kejayaan kamu hari ini. Haraplah suatu hari nanti kamu diiktiraf sebagai penternak yang berjaya.

Encik Zainal : Terima kasih, Encik Syafiq. Ambil ikan ini bawa balik ke rumah dan suruh isteri kamu masak.

Encik Syafiq : Terima kasih, Encik Zainal. Semoga murah rezeki kamu!

Sumber : *Internet*
[6 markah]

3. *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Remaja hendaklah selalu mandi untuk jaga kebersihan kulit. Tambahan pula, remaja senang berpeluh. Sabun tidak dimudaratkan kulit dan jika di gunakan secara berlebihan dapat menyebabkan kulit menjadi kering. Sabun yang bersesuaian hendaklah dipilih jika mempunyai kulit yang kering. Bahan pelembap kulit perlu disapu kepada kulit selepas mandi. Pelembap membantu mengekalkan kelembapan kulit. Minyak baby pula boleh digunakan untuk disapukan pada kulit yang kering. Remaja yang kulitnya berminyak pula bukan perlu menggunakan sembarang pelembap.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

[11 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.*

Masyarakat moden mestilah berpaksikan sebuah masyarakat yang bermaklumat. Setiap maklumat itu pula hendaklah betul dan sahih sumbernya. Penyebaran _____(i) tidak seharusnya berlaku kerana akan memberi kesan negatif kepada anggota masyarakat dan mengundang perasaan curiga pihak luar terhadap bangsa kita. Jika perkara itu dilakukan oleh segelintir masyarakat sekalipun, maruah bangsa tetap terjejas kerana perbuatan itu samalah seperti _____(ii). Amalan negatif sebegitu hendaklah kita hindari agar masyarakat tidak dilabel sebagai berfikiran _____(iii) apabila tidak dapat membezakan berita itu benar atau palsu.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Bahan 1

Vandalisme ialah perbuatan merosakkan harta benda awam dan persendirian. Perbuatan menconteng dinding bangunan, lif, tiang elektrik dan sebagainya dengan lukisan atau perkataan lucu ialah contoh vandalisme. Perbuatan ini bukan sahaja tidak bertanggungjawab bahkan membawa kerugian yang besar kepada kerajaan dan orang perseorangan. Remaja yang sering menghadapi krisis identiti diri, iaitu emosi mereka yang berada dalam keadaan yang tidak seimbang, paling banyak melakukan vandalisme.

Pergolakan emosi yang dihadapi oleh remaja akan diluahkan dalam bentuk perbuatan, perkataan dan perwatakan yang bercanggah dengan norma masyarakat. Bagi meluahkan perasaan tidak puas hati dan protes mereka melepaskan geram terhadap harta benda yang terdapat di sekeliling. Namun begitu, ada remaja yang melakukan vandalisme sekadar untuk suka-suka atau terpengaruh oleh kerenah remaja dari Barat. Tidak kurang juga yang menjadikan perbuatan ini untuk *melepaskan stres* dan kemarahan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Vandalisme dalam Kalangan Remaja'
Oleh Sharon Nunjan anak Sylvester Bakar,
Dewan Siswa, Bil. 6/ 2009

Bahan 2

"Berdasarkan kajian saya, 80 peratus daripada vandalisme dilakukan oleh remaja dalam lingkungan umur 15 hingga 20 tahun. 70 peratus daripada remaja tersebut berpendidikan rendah atau tercicir daripada akademik. Gejala vandalisme ini dilakukan secara sendirian dan berkumpulan, tetapi kebanyakannya dilakukan secara berkumpulan.

Punca yang menyebabkan berlakunya vandalisme berlaku dapat dikategorikan kepada dua, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Contoh faktor luaran adalah pengaruh rakan sebaya dan masalah keluarga, manakala faktor dalaman melibatkan diri sendiri yang dipengaruhi oleh emosi dan tekanan."

Dipetik daripada ucapan
Pakar Kaunseling Remaja

Bahan 3



(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *melepaskan stres*.
[2 markah]

(ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan sebab-sebab remaja terlibat dengan vandalisme.
[4 markah]

(iii) Kini, perbuatan vandalisme menyebabkan masyarakat awam terpaksa menanggung kerugian besar akibat perbuatan merosakkan harta benda awam .

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang berlaku sekiranya gejala vandalisme tidak dikekang sepenuhnya?

[3 markah]

(iv) Tandas sekolah anda sering kali menjadi sasaran vandalisme rakan sekelas. Sebagai seorang sahabat yang bertanggungjawab, apakah cara-cara yang anda akan lakukan untuk membantu rakan anda itu agar membuang tabiat buruknya.

[3 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

PELANCONGAN MAMPAN

Melancong bukan sekadar
Beli tiket
Kemas beg
Hore, satu dunia digelintar !

Pelancong mampan mengkaji
Adakah sumber semula jadinya lestari?
Air, udara, hutan dan tanah tahan uji
Spesis burung berbebaran di sana sini
Mamalia, reptilia terpelihara di habitat
semula jadi

Pelancong mampan melihat
Adakah penjagaan kualiti alam sekitar
hebat?
Pelancongan hijau menjadi matlamat
Program pemeliharaan dan
pemuliharaan masyarakat setempat
Bersihkan pantai, tanam pokok
Pilihan utama pelancong sejagat.

Pelancong mampan meneliti
Adakah pembangunan sosialnya seimbang dan
harmonis?
Rakyat sihat, ekonomi mantap, dan
bernilai murni
Kaya budaya dan seni
Warisan kebangsaan dihargai.

Pelancong mampan meneroka
Adakah pembangunan fizikal dipelihara dan
dipulihara?
Konservasi bangunan, monumen, arkeologi,
dan tapak warisan negara
Menyimpan seribu satu cerita
Sejarah negara bermulanya tamadun bangsa.

Pelancongan mampan
Pilihan warga dunia yang memandang
ke hadapan

Sumber : Buku teks
Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

ANTARA ALAM SEKITAR DENGAN PEMBANGUNAN

Watak : Amin dan Kak Su.

Babak 1

Dua beradik duduk di meja makan menikmati minum petang di beranda rumah.

- Amin : Amin, lihat, ada banyak lori dan kereta pacuan empat roda keluar masuk di kawasan hutan bersebelahan kebun Pak Wan. Macam ada kerja menorah hutan! Mengapa dibiarkan? Sudah tiadakah pemuda kampung ni yang berani buat bantahan?
- Kak Su : Amboi, sedapnya mulut berkata-kata! Itu projek pelancongan negara. Itu pun tak tahu hendak beza.
- Amin : Projek pelancongan akan menorah hutan juga akhirnya. Kalau semua pokok ditebang, bangunan konkrit didirikan, apa lagi yang tinggal? Mereka tak tahu ke hutan itu khazanah yang tak ternilai harganya?
- Kak Su : Negara kita ni belum lagi ketinggalan, Min. Malahan, ada ketikanya kita mendahului yang lain terutama dalam konsep pelancongan mampan. Apatah lagi sektor pelancongan menjadi antara *penyumbang utama* pendapatan negara. Kita mahu situasi menang-menang. Pusat pelancongan dibina, khazanah negara dipelihara. Tentang projek pelancongan tu, projek itu diusahakan oleh anak kampung kita juga, Zahid. Anak sulung Pak Wan, dibantu oleh adik bongsunya Sarah yang kini merupakan Pegawai Alam Sekitar.
- Amin : Oh, Sarah! Budak perempuan yang selalu ikut kami masuk hutan dulu tu. Tapi, bagaimanakah pembangunan boleh dibuat tanpa memusnahkan alam sekitar?
- Kak Su : Sebelum habis cuti nanti, carilah masa untuk melawat tempat-tempat pelancongan yang berkonsepkan pelestarian alam sekitar yang ada di negara kita. Yang terdekat ialah rumah hutan dan rumah singgah di Batang Kali ataupun inap desa alam semula jadi di Janda Baik.
- Amin : Menarik juga tu. Kak Su kena ikut sekali.

Sumber : Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah maksud *penyumbang utama* ?
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan pelancongan mampan kepada alam sekitar ?
[3 markah]

(iii) Alam sekitar merupakan khazanah alam yang tidak ternilai harganya. Namun begitu, masih terdapat masyarakat yang kurang cakna akan kelestarian alam sekitar sehingga berlakunya kemusnahan alam sekitar yang serius.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku?

[4 markah]

(iv) Antara isu penting dalam kehidupan manusia ialah perkara berkaitan alam sekitar.

Isu ini merangkumi pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran tanah, penebangan hutan tidak terkawal serta kepupusan pelbagai jenis spesies flora dan fauna.

Sebagai seorang remaja, apakah tindakan yang boleh anda lakukan untuk memastikan kelestarian alam sekitar tetap terpelihara?

[4 markah]

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan telitinya , kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sedang Budiman memberi penerangan, Nurul Hafsa pula mengawal persembahan di komputer riba. Muhamad Taufik dapat melihat yang Nurul Hafsa asyik memerhati abangnya itu dengan bersungguh-sungguh sambil mencatat nota. Pasti ada sesuatu yang Nurul Hafsa boleh pelajari daripada penyampaian abangnya yang juga memang pakar dalam segala jenis persembahan itu. Budiman pernah bercerita bahawa menjadi guru itu bukan sahaja mengajar silibus sesuatu subjek tetapi juga menjadi seorang pakar motivasi , pelakon, penyanyi dan pelawak.

Dipetik daripada novel *Bimasakti Menari*
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan tindakan -tindakan Nurul Hafsa sambil dia mendengar penerangan yang sedang diberikan oleh Budiman.

[4 markah]

ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- (a) Novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (b) Novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusof

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

9. *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Perpaduan negara merujuk kepada satu bentuk penyatuan pelbagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial, agama, budaya, dan bahasa yang berbeza di bawah satu bentuk identiti nasional yang lebih khusus serta dapat diterima oleh majoriti golongan di negara ini. Memandangkan terdapat perbezaan yang begitu ketara dalam kalangan kaum, usaha yang lebih positif perlu dilakukan untuk mewujudkan masyarakat yang bekerjasama, bertolak-ansur, tolong-menolong dan seterusnya bersatu padu. Sejarah telah membuktikan kegagalan mewujudkan perpaduan antara kaum akan membawa kepada isu perkauman. Jika kita menyingkap kembali dasar pendidikan negara pada zaman pemerintahan penjajah, memang didapati ada usaha pihak penjajah untuk memecahbelahkan perpaduan kaum di negara ini sehingga membentuk semangat perkauman yang menebal.

Menyedari hakikat ini, maka diperkenalkan Penyata Razak 1956 yang bertujuan menyatukan semua pelajar daripada pelbagai bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Laporan Rahman Talib 1960 telah mengukuhkan lagi Penyata Razak melalui sistem persekolahan dan kurikulum sekolah yang sama. Matlamatnya sama, iaitu memupuk perpaduan agar tragedi 13 Mei 1969 tidak berulang lagi. Hal ini penting kerana golongan inilah yang akan menjadi penentu hala tuju negara.

Selain itu, perpaduan dapat disemai dalam kalangan pelajar melalui penghayatan dan rasa bangga menjadi warganegara Malaysia. Perasaan ini dapat dipupuk ketika guru mengajar mata pelajaran Sejarah atau melalui aktiviti kuiz kenegaraan atau Larian Jalur Gemilang. Kita juga dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum dengan cara memupuk dan menghayati semangat setia kawan, tolak ansur dan toleransi di sekolah. Keadaan ini dapat dicapai ketika menyambut perayaan pelbagai kaum di Malaysia dan sekali gus menimbulkan sentimen perpaduan dan semangat bekerjasama dalam kalangan pelbagai kaum.

Dalam bidang akademik, sentimen perpaduan dapat kita bangkitkan di sekolah dengan menekankan nilai-nilai rohani dan budaya bersama-sama dengan pelbagai

kaum. Nilai-nilai ini dapat kita salurkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Dasar penubuhan Sekolah Wawasan yang menggabungkan ketiga-tiga sekolah rendah iaitu SRK, SRJK(C) dan SRJK(T) turut menyumbang ke arah perpaduan antara kaum yang sanggup berkongsi dalam pelbagai aspek seperti segala kemudahan, bergaul ketika bersukan, makan di kantin atau semasa hari terbuka.

Kegiatan kokurikulum di sekolah juga mampu memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar melalui aktiviti pelbagai kaum seperti keluarga angkat, persatuan dan badan beruniform. Melalui cara ini, maka perpaduan dan integrasi nasional dapat dicapai dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia dan seterusnya melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Kesimpulannya, perpaduan dan integrasi nasional sangat penting dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Perpaduan dan integrasi ini akan melahirkan masyarakat Malaysia yang harmoni, saling bekerjasama dan persefahaman, serta sentiasa menghayati perjanjian sosial yang telah dipersetujui sejak awal kemerdekaan lagi. Usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi perlu disahut oleh setiap lapisan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai
daripada Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar,
Dewan Siswa, Mac 2006

Bahan 2- Gambar



KEBAIKAN PERPADUAN DALAM MASYARAKAT

Dapat mengelakkan semangat assabiah

Dapat membangunkan ekonomi negara

Dapat meningkatkan imej negara di mata dunia

Sumber : *Internet*

SET 2

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik dan pantun di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pelancongan. Berdasarkan maklumat berikut, huraikan pendapat anda tentang **pelancongan**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Bahan 1



Bahan 2

KUALA LUMPUR: Pembukaan sempadan negara mulai esok bakal memacu aktiviti pelancongan domestik selepas terjejas teruk akibat pandemik, sekali gus mengembalikan semula industri itu sebagai antara 10 penyumbang utama ekonomi negara.

Setiausaha Agung Kehormat Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Mohammad Faez Mohamad Fadhlillah berkata, pembukaan semula pintu masuk ke Malaysia adalah tepat pada masanya.

Sumber: Berita Harian,
"Pelancongan Bakal Kembali Jadi Penyumbang Utama Ekonomi"

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi *empat* soalan. Jawab *satu* soalan.
Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Menurut World Health Organization (WHO) 2019, Malaysia merupakan negara paling obes di Asia Tenggara. Rakyat Malaysia dikatakan mengamalkan cara hidup tidak sihat kerana menggemari makanan yang mengandungi kolesterol tinggi. Di samping tidak melakukan senaman, rakyat Malaysia juga suka makan secara berlebihan.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan punca-punca berlakunya masalah tersebut.

2.

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) merupakan proses pendidikan yang berperanan menyediakan peluang pekerjaan untuk memenuhi keperluan industri seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Kelebihan menyambung pelajaran dalam bidang TVET iaitu memberi peluang kepada murid yang kurang cemerlang akademik mereka menyambung pelajaran, menyediakan tenaga kerja yang mahir dalam bidang teknikal dan meningkatkan daya saing serta potensi dalam negara.

Sumber– iPendidikan.com.my.

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kelebihan-kelebihan menyambung pelajaran dalam bidang TVET.

3.

Pengarang yang berbakat biasanya bijak menggabungkan bakat, imaginasi dan realiti kehidupan yang sedang dihadapinya dalam karya mereka. Selain itu, penilaian dan kritikan daripada editor penting dalam penghasilan sesebuah karya bagi memastikan karya tersebut bermutu. Seterusnya, kawalan kualiti pengkaryaan contohnya daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga penting dalam penghasilan karya yang bermutu.

Sumber: '*Isu Sastera Kepuasan Sendiri*'
Sinar Harian Online

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri yang penting dalam penghasilan sesebuah karya yang bermutu.

4.

Integriti merupakan elemen utama yang perlu ditanam dalam diri setiap masyarakat bagi menjayakan agenda negara menentang budaya rasuah. Oleh sebab itu, pihak kerajaan, masyarakat, keluarga dan media massa merupakan antara pihak yang penting dalam membantu menyemai integriti dalam diri setiap individu bagi memastikan amalan rasuah dihapuskan sepenuhnya.

Sumber: *sinarharian.com.my*

Berdasarkan petikan, huraikan peranan pelbagai pihak dalam memastikan amalan rasuah di Malaysia dapat dibanteras.

SET 2

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas kajang .*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **11 halaman bercetak**

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Yang berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, “Kepentingan Sukan Air”.

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4,
DBP, 2019.
[6 markah]

2. Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut.

Subjek : _____

Predikat : _____

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan. Semua bangsa dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan prinsip-prinsip jitu untuk perpaduan. Masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan. Masyarakat pelbagai kaum boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Perpaduan : Di manakah Penghujungnya’
oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri,
[6 markah]

3. Dalam petikan 1 dan petikan 2, terdapat **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Rumah bagi masyarakat Melayu bukan sahaja merupakan keperluan asas dalam hidup, tetapi juga merupakan seni bina yang diwarisi sejak turun temurun. Pertimbangkan yang wajar daripada pelbagai sudut perlu dibuat sebelum mendirikan sesebuah rumah. Unsur seperti alam sekitar, tomografi, iklim, kebolehan teknikal tukang rumah, pengaruh agama, kemampuan ekonomi, dan kebudayaan serumpun amat dipengaruhi gaya dan bentuk bangunannya.

Sumber : Internet

[6 markah]

Petikan 2

Anda perlulah berhati-hati sekiranya anda suka berekreasi di kawasan-kawasan perkelahan. Taraf kebersihan di tempat-tempat tersebut perlu diutamakan apabila jangkitan virus kencing tikus dapat berlaku melalui aktiviti rekreasi seperti berenang atau berkayak. Seseorang yang terbuka pada peralatan atau makanan yang telah tikus gigit berisiko untuk mendapat jangkitan virus kencing tikus.

Sumber : Internet

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadu dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pelajaran Malaysia

[6 markah]

5. *Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua peribahasa** sahaja, kemudian **berikan peribahasa lain** yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Sebaik-baik sahaja kerajaan melonggarkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa buah negeri, sebahagian besar masyarakat mula mengambil kesempatan untuk balik ke kampung halaman seperti menahan lukah di pergentingan. Namun demikian, masih ada segelintir masyarakat yang mula lupa daratan kerana menganggap virus COVID-19 ini sudah dapat diatasi. Tuntasnya, masyarakat perlu peka kerana sakit sama mengaduh, luka sama menyuik bagi memastikan negara kita bebas daripada virus ini sepenuhnya.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Bahan 1

Masyarakat perlu bertindak segera kerana jumlah bahan dan sisa buangan ini semakin bertambah dan berganda setiap masa. Pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan denda kepada mereka yang membuang sampah sarap tanpa mengitar semula. Dalam sektor perindustrian pula, syarikat pengeluar makanan dan minuman dalam tin diwajibkan mengitar semula kotak minuman yang sudah digunakan. Dalam satu kajian di negara ini, 36 peratus responden mengakui mereka membuang beg plastik selepas hanya sekali digunakan. Secara purata, seorang individu menggunakan hampir lapan keping beg plastik seminggu. Oleh itu, langkah membudayakan amalan kitar semula ialah kerajaan melaksanakan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik. Masyarakat harus sedar pereputan beg plastik tidak semudah yang disangka. Sebagai contoh, Perancis mempraktikkan tindakan yang lebih drastik apabila tidak menggunakan beg plastik langsung.

Dipetik dan diubah suai daripada
Membudayakan kitar semula dalam masyarakat
oleh Muhammad Farid Ahmad Tarmiji,
Kosmo, 12 Ogos 2020.

Bahan 1



(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *mempraktikkan tindakan*.
[2 markah]

(ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan langkah-langkah amalan kitar semula.
[3 markah]

(iii) Amalan kitar semula sangat penting untuk disemadikan dan dilaksanakan dalam kalangan masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah manfaat amalan kitar semula?

[3 markah]

(iv) Pada suatu hari, anda sedang berjalan di sebatang sungai di kampung. Tiba-tiba, anda terlihat kelibat tiga orang lelaki yang sedang mencurahkan sisa cecair ke dalam sungai. Setelah mereka beredar, anda mendapati cecair tersebut ialah sisa toksik yang berbahaya.

Sebagai seorang yang prihatin terhadap alam sekitar, apakah tindakan anda dalam situasi ini.

[4 markah]

7. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

JIWA HAMBAA

Menung seketika sunyi sejenak
kosong di jiwa tak berpenghuni
hidup terasa diperbudak-budak
hanya suara melambung tinggi

Berpusing roda, beralih masa
berbagai neka, hidup di bumi
selagi hidup berjiwa hamba
pasti tetap terjajah abadi

Kalau hidup ingin merdeka
takkan tercapai hanya berkata
tetapi cuba maju ke muka
melempar jauh jiwa hamba

Ingatan kembali sepatah kata
dari ucapan seorang pemuka
di atas robohan Kota Melaka
kita dirikan jiwa merdeka

TONGKAT WARRANT

1948

Bahan 1

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah. Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga,” untuk merdeka katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita.”

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangnya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Dipetik daripada
cerpen “Cinta Ahmad Mutawakkil”
antologi *Sejadah Rindu*, KPM

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *terjajah abadi*.
[2 markah]

(ii) Dalam **semua bahan**, pengarang ada menyatakan bahawa kemerdekaan hanya boleh dinikmati melalui beberapa perubahan yang perlu dilakukan dalam diri.

Nyatakan perubahan-perubahan tersebut.

[3 markah]

(iii) Patriotisme memainkan peranan yang sangat penting dalam diri setiap rakyat Malaysia dalam mengekalkan kemerdekaan yang telah kita capai selama ini.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku kepada negara sekiranya semangat patriotisme tidak dipupuk dalam kalangan masyarakat ?

[3 markah]

(iv) Anda mempunyai seorang rakan karib yang dilihat cenderung mengamalkan gaya hidup bebas atas alasan modenisasi sehingga mengikis jati diri rakyat Malaysia dalam dirinya. Keadaan tersebut bertambah rumit apabila rakan anda sudah mula meremehkan jasa dan bakti tokoh-tokoh nasionalis.

Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda boleh menimbulkan kesedaran tentang pentingnya semangat cinta akan negara dalam diri rakan anda itu ?

[4 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

“Terima kasih kerana sudi meminjamkan buku-buku ini kepada saya See Hwa,” ujar Haikal.

“Sama-sama. Itu sudah menjadi tanggungjawab saya. Lagipun ini amanah arwah ayah kamu.

“Berdosa kalau saya tidak tunaikan,”balas See Hwa.

Haiqal tersenyum apabila mendengar kata-kata See Hwa itu. Anak bongsu Tauke Ong dan Puan Khei ini bukan sahaja cantik tetapi sangat berbudi bahasa. Perkara yang paling mengagumkan Haiqal ialah kefasihannya bertutur dalam bahasa Melayu.

Dipetik daripada novel *Silir Daksima*
karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Apakah perwatakan See Hwa seperti yang digambarkan oleh Haiqal?

[4 markah]

(i) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut;

- (a) Novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (b) Novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusof

Berdasarkan *dua* buah novel yang anda pelajari, huraikan *satu* peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat yang diketengahkan oleh penulis novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

9. *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Malaysia diiktiraf pada peringkat global sebagai satu daripada destinasi pelancongan utama dunia, dengan kedudukan antara 10 negara teratas dari segi ketibaan pelancong. Sektor pelancongan merupakan industri perkhidmatan utama yang semakin berkembang maju di Malaysia. Oleh itu, faktor-faktor yang dapat membangunkan industri tersebut haruslah diberi penekanan yang serius oleh semua pihak.


Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati. Tempat menarik tersebut lazimnya menjadi tumpuan pelancong asing yang berkunjung ke negara ini. Sebagai contoh, Malaysia memiliki kawasan rekreasi di tanah tinggi yang mempunyai suhu sejuk, seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands di Pahang. Keadaan iklim semula jadi negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun juga sudah pasti menggamit hati para pelancong. Jangan kita lupa bahawa Malaysia memiliki sejarah pembentukan negara bangsa yang sangat unik. Kepelbagaian budaya dan etnik, sama ada di Semenanjung atau pun di Malaysia Timur, menjadi modal yang sangat berharga kepada sektor pelancongan. Di Sabah dan Sarawak, kegiatan seni dan manipulasi fabrik suku kaum Kadazan dan Iban telah mendapat tempat dalam hati para pelancong. Di samping itu, udara yang segar dan nyaman tanpa pencemaran di negara ini menjadi nilai tambah yang menjadi lambang kehidupan yang tenang dan bersahaja. Pelancong antarabangsa khususnya dari negara maju beranggapan bahawa Malaysia merupakan destinasi percutian yang murah dan kompetitif kerana kadar tukaran asing yang menarik.

Pakar runding pelabur asing dan kakitangan syarikat multinasional yang berurusan di negara ini juga tertarik oleh kemajuan ekonomi negara yang pesat sehingga Lembah Klang menjadi tumpuan kerana terdapatnya ibu pejabat institusi kewangan antarabangsa dan syarikat teknologi tinggi. Hal ini ditambahkan pula dengan usaha kerajaan Malaysia memajukan sektor pendidikan pengajian tinggi serta industri kesihatan dan perubatannya melalui promosi yang agresif. Penganjuran acara sukan bertaraf dunia dan persidangan antarabangsa juga meletakkan Malaysia di peta pelancongan sukan dan forum. Begitu juga dengan pembinaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC), Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, (PICC), dan Dewan Persidangan Hotel bertaraf lima bintang telah merencanakan ketibaan pelancong yang gemar menyertai perbincangan pada peringkat tinggi serta acara korporat antarabangsa

Jelaslah perspektif tentang sektor pelancongan di Malaysia telah menjangkau segmen di luar tarikan keindahan alam semula jadi. Strategi ini memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk menawarkan produk pelancongan yang lebih berdaya saing. Sumbangan sektor pelancongan kepada pendapatan negara akan terus meningkat. Kedudukan ekonomi yang maju, politik yang stabil, sosial yang harmoni dan keselamatan yang baik menjadi resipi utama bagi menarik lebih banyak pelancong asing. Kedatangan hampir 30 juta orang asing saban tahun membuktikan bahawa Malaysia memiliki masa depan yang sangat cemerlang dalam sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai
daripada 'Pelancongan Menyuntik Pendapatan Negara'
oleh Danilah Kamarul, *Dewan Masyarakat*, 2018

Bahan 2- Grafik



Sumber : *Internet*

SET 3

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik dan pantun di bawah menunjukkan maklumat berkaitan keselamatan siber. Berdasarkan maklumat berikut, huraikan pendapat anda tentang **keselamatan siber**.


Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Bahan 1

ANCAMAN keselamatan maklumat lebih tertumpu kepada keselamatan siber meskipun ia juga boleh membabitkan perkakasan, perisian, komunikasi dan data. Laporan Techwireasia menunjukkan sebanyak 22 juta ancaman siber disekat di negara ini pada 2023, manakala laporan insiden keselamatan siber daripada Cybersecurity Malaysia pula merekodkan 567 insiden berkaitan ancaman ini sekitar Januari tahun ini sahaja.

Sumber: Berita Harian,
'Negara Perlukan 30 000 Tenaga Mahir Keselamatan Siber'

Bahan 2



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi *empat* soalan. Jawab *satu* soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Kegiatan sukan mendatangkan banyak faedah kepada remaja. Antaranya, sukan dapat melahirkan remaja yang sihat, sama ada dari segi fizikal ataupun mental. Sebagai contoh, aktiviti sukan seperti berbasikal, mendaki gunung, dan bermain bola sepak akan membantu remaja untuk membina tubuh badan yang sihat, cergas, dan menarik.

Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, halaman 39

Sebagai respons daripada bahan di atas, huraikan faedah-faedah bersukan kepada remaja.

2.

Malaysia sememangnya banyak keistimewaan khususnya dari segi budaya. Elemen kebudayaan di Malaysia dianggap penting sehingga elemen ini dipertontonkan kepada tetamu terutamanya dalam setiap majlis rasmi. Selain itu, Sekolah Seni Malaysia ditubuhkan bagi memastikan elemen kebudayaan terus dilestarikan dan tidak lapuk ditelan zaman.

Berdasarkan petikan, huraikan langkah-langkah untuk terus melestarikan elemen kebudayaan di Malaysia.

3.

Kemajuan teknologi, sikap terlalu fokus terhadap pekerjaan dan kekangan masa menyebabkan kebanyakan masyarakat moden cenderung untuk membuat belian barangan dan perkhidmatan secara dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada i-rujukan,
“Bijak Berbelanja Kewangan Kewangan Terjaga”

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, huraikan faktor masyarakat melakukan belian secara dalam talian.

4.

Lembaga Pertubuhan Pertanian Persekutuan atau *Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)* adalah antara agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Penubuhannya bertujuan menyelaraskan, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia termasuk pengimportan dan pengeksportan,.

Dipetik dan diubah suai daripada buku teks bahasa Melayu
Tingkatan 5, halaman 88

Selain peranan FAMA, huraikan peranan pihak lain yang juga bertanggungjawab membantu memajukan sektor pertanian negara.

Bincangkan.

SET 3

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas kajang .*

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, kenal pasti dan senaraikan empat kata sendi nama. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata sendi nama yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

Ramai yang meramalkan kemunculan televisyen akan membunuh industri buku. Apabila televisyen mula memberikan impaknya pada tahun 50-an, ramai yang mula mentalkinkan buku. Begitu juga dengan asakan Internet. Daripada 17 ribu buku yang terbit pada setiap tahun di negara ini, sebanyak 70 peratus merupakan buku teks dan buku kerja untuk pelajar. Nampaknya rakyat Malaysia memerlukan sebanyak 722 juta ekor ayam setahun tetapi sekadar 17 ribu buku sahaja untuk dibaca.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Industri Buku Belum Mati' oleh Johan Jaafar
Dewan Masyarakat, Bil 04/2020

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan telitinya. Nyatakan pola ayat dasar bagi ayat-ayat yang bergaris di bawah.*

Banyak pihak tidak menyedari potensi industri desa. Industri ini ialah industri yang mampu meningkatkan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan seharusnya memberikan sokongan kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembangunan industri desa sangat penting. Oleh itu, pihak bertanggungjawab harus ke kawasan luar bandar. Tujuannya adalah untuk memberikan penerangan kepada penduduk.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Kepentingan Pembangunan Industri Desa"
oleh Thaarmaraj a/l Ramanatahan,
Dewan Siswa, Bil. 1, 2019

[6 markah]

3. *Petikan-petikan di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut semula.*

Petikan 1

Ibu sangat sibuk pada hari ini. Kesibukkan ibu berada di dapur untuk menyiapkan juadah kenduri. Ibu memasak pelbagai kuih-muih untuk tetamu yang akan hadir pada malam ini. Ibu juga menyediakan masakan ayam kari dan ikan siakap tiga rasa. Abang turut membantu ibu memasak. Antara juadah yang abang masak ialah sotong goreng. Kenduri pada malam ini merupakan kenduri kesyukuran kerana kakak telah dapat keputusan cermelang dalam SPM.

[6 markah]

Petikan 2

Kehadiran Menteri Pendidikan Malaysia ke Sekolah Menengah Sains Kepala Batas disambut dengan paling meriah oleh warga sekolah. Semasa bertitah, beliau menasihati murid-murid agar cermat memanfaatkan segala kemudahan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan bagi meningkatkan prestasi mereka. Mereka di seru agar terus gigih menuntut ilmu demi untuk memenuhi aspirasi negara.

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Azri mempunyai sebuah syarikat perumahan di Kuala Lumpur. Dia menyiapkan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan. Suatu hari, Azri telah ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyiapkan projek perumahan yang terbengkalai. Walaupun tugas yang diberi kali ini agak mencabar, dia menyahut cabaran dan melakukannya sehingga berjaya. Azri sentiasa meningkatkan kecekapan dan kemahiran supaya kebolehannya setanding dengan kejayaan syarikat perumahan yang lain.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6 .Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Bahan 1

Usai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), remaja akan berhadapan dengan persoalan untuk melanjutkan pelajaran atau mencari pekerjaan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi remaja untuk membuat pilihan tersebut antaranya permintaan daripada ibu bapa, minat dan keadaan persekitaran. Antara faktor yang menyebabkan remaja memilih untuk mencari pekerjaan disebabkan kurangnya minat dalam bidang akademik dan menganggapnya sebagai satu beban. Mereka mencari jalan mudah dengan bekerja dan fokus pada kemahiran praktikal berbanding akademik. Remaja berpendapat bahawa dengan bekerja mereka akan mendapat pengalaman baharu dan hidup bebas. Manakala remaja yang memilih untuk melanjutkan pelajaran pula sedar akan kepentingan *memperoleh pengetahuan*, kemahiran dan kelayakan yang lebih tinggi untuk meningkatkan prospek kerjaya dan potensi pendapatan yang lebih baik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja Cenderung untuk Melanjutkan Pelajaran atau Mencari Pekerjaan?'
oleh Nur Fatin Najwa Shahrudin,
Dewan Siswa, Bil. 08/2023

Bahan 2

Kerja sambilan merujuk kerja yang dilakukan secara sementara oleh mana-mana individu bagi menyimpan wang untuk sesuatu tujuan seperti membiayai yuran pengajian atau mengatasi kekangan kewangan yang dihadapi oleh keluarga. Sejak akhir-akhir ini, semakin ramai remaja yang masih bersekolah mula bekerja secara sambilan. Remaja yang bekerja sambilan memilih untuk hidup berdikari dengan mencari sumber kewangan sendiri dan membantu meringankan beban ibu bapa untuk menampung kos sara hidup keluarga yang semakin meningkat. Hal ini boleh menyebabkan remaja tersebut terlalu sibuk bekerja sehingga melupakan tugas utama mereka iaitu belajar. Apabila keadaan ini berterusan, mereka sanggup ponteng sekolah dan akhirnya prestasi akademik remaja tersebut akan terjejas. Remaja yang mengutamakan pekerjaan berbanding dengan pendidikan akan menyebabkan mereka kurang menyerlah dari segi akademik mahupun kokurikulum.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kerja Sambilan dan Implikasinya Terhadap Murid'
oleh Tang Jay Young,
Dewan Siswa, Bil. 07/2023

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *memperoleh pengetahuan*.

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan faktor-faktor remaja memilih untuk bekerja.

[3 markah]

- (iii) Kini segelintir golongan muda memilih untuk bekerja sendiri memandangkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan semakin mencabar kerana terlalu banyak persaingan.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan bekerja sendiri?

[3 markah]

- (iv) Anda mendapati bahawa seorang rakan anda telah menamatkan pengajian dalam bidang pertanian dan bercita-cita untuk mengusahakan satu projek tanaman cili padi. Namun dia tidak mempunyai pengetahuan untuk memulakan projek tersebut.

Sebagai seorang sahabat yang prihatin, cadangkan cara-cara yang boleh anda ambil untuk membantu rakan anda agar usahanya tercapai.

[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

PELAKON I : Duniaku ialah kuasa. Kuasa ialah duniaku. Dengan kuasa, dunia berada di bawahku. Kuasa mencipta kuasa.

PELAKON II : Bukan, kau salah. Wang ialah duniaku. Duniaku ialah wang. Wang ialah kuasa. Dengan wang, dunia berada di bawahku. Dengan wang, kuasa berada di bawahku. Wang membeli kuasa, membeli dunia, membeli manusia.

PELAKON III : Bukan, kamu berdua salah. Kamu berdua ialah manusia-manusia sasau. Sasau boleh membawa gila. Gila boleh membawa kehancuran dunia, kehancuran manusia. Ikutlah aku. Dunia aku ialah fikiran. Fikiran ialah kewarasan. Kewarasan fikiran dapat mengawal nafsu, dapat mengawal wang, dapat mengawal kuasa. Kewarasan fikiran dapat mengawal manusia, dapat mengawal dunia.

PELAKON I : Hei, kawan ! Kau lupa satu perkara. Fikiran juga dapat merosakkan fikiran. Fikiran yang rosak boleh menyebabkan sasau. Sasau boleh membawa gila. Gila boleh membawa kehancuran dunia, kehancuran manusia. Oleh sebab itu, ikutlah aku. Dengan kuasa, aku boleh mengawal fikiran. Dengan kuasa, aku boleh mengawal wang dan mengawal dunia.

Dipetik daripada drama “Bukan Gila”
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Sejarah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

PANTUN RASUAH

Halaman rumah sangat redup
Suasana indah pandangan mata
Wang banyak keutamaan hidup
Hidup memburu wang dan harta

Jalan sesak banyak kereta
Mengejar masa sudah lali
Gelap mata memburu harta
Undang-undang dilanggar tidak peduli

Sikap tamak kering hati
Nasihat keluarga diabaikan juga
Undang-undang negara tidak ditakuti
Demi harta wang berharga.

NUR SHAKILA

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah maksud *mengejar masa sudah lali* ?
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk semua bahan, nyatakan kesan-kesan akibat sikap suka mengambil rasuah ?
[4 markah]
- (iii) Integriti merupakan tunjang utama bagi setiap kakitangan awam mahupun swasta di negara kita. Namun, masih ada segelintir kakitangan awam mahupun kakitangan swasta yang sanggup membelakangkan nilai tersebut untuk memenuhi kehendak semasa.
Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang sewajarnya dikenakan terhadap kakitangan awam mahupun kakitangan swasta yang gagal mematuhi integriti organisasi masing-masing?
[3 markah]
- (iv) Watak sampingan dalam drama yang anda tonton digambarkan telah melakukan perbuatan pecah amanah. Hal ini telah menyebabkan dia dicemuh oleh masyarakat walaupun dia telah insaf dan dikenakan hukuman yang setimpal terhadap perbuatannya.

Sekiranya anda watak utama dalam drama tersebut, apakah cara-cara yang akan anda lakukan untuk membantu watak tersebut mengatasi masalah yang dihadapinya?

[4 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Pagi tadi dia okey ke?” soal Aqram lagi. Nafasnya semakin laju, dicengkam rasa cemas. Saat itu baru Shida teringat kelakuan Farisha yang agak aneh ketika mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya. Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa. Dia hanya duduk diam di dalam kereta. Shida tidak tahu sama ada dia jaga atau terlena kerana dia mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar; sesuatu yang jarang dilakukannya. Bibirnya kelihatan pucat tetapi Shida tidak berani hendak menegur.

“Farisha tidak ceria pagi tadi. Tapi saya tidak tahu sebabnya,” Shida merenung mata Aqram. Baru dia perasan betapa sempurna penampilan lelaki itu.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
oleh Dayang Nor,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan keadaan Farisha menurut Shida semasa mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya.

[4 markah]

ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- a. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- b. Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan *dua* buah novel yang anda pelajari, huraikan *satu* peristiwa yang menunjukkan nilai kerjasama.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

9. *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Amalan menabung merupakan satu tindakan positif yang memberikan kesedaran kepada seseorang untuk membuat persediaan bagi menjamin masa depan yang cerah. Kini, amalan menyimpan tabungan di bank juga merupakan satu inisiatif yang efektif bagi memastikan wang tersebut terjaga dan selamat. Aktiviti menabung membolehkan seseorang menambahkan pendapatan secara berterusan dalam jangka masa panjang. Para remaja juga boleh menggunakan wang tabungan untuk membeli buku rujukan kerana kursus pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi tentu sahaja memerlukan kos yang tinggi.

Dengan menabung, para murid dapat menampung perbelanjaan persekolahan lain, seperti membeli buku rujukan, membayar yuran sekolah dan yuran kelas bimbingan luar. Dalam hal ini, remaja wajarlah membuka akaun di bank dengan bantuan ibu bapa sejak kecil lagi. Melalui tabiat menabung, para remaja akan mendapat pelbagai manfaat terutamanya ketika ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Bagi mereka yang kurang berkemampuan pula, wang pendaftaran untuk sesi pengajian sahaja pun sukar untuk dibayar. Sehubungan dengan itu, amalan menabung dapat membantu remaja membiayai kos pendidikan yang sempurna. Melalui amalan menabung juga, ibu bapa tidak perlu lagi bergolok-bergadai untuk membiayai kos pendidikan anak yang kini meningkat.

Pihak kerajaan juga wajar mengadakan kempen menabung di setiap agensi kerajaan agar amalan mulia ini menjadi teladan kepada semua lapisan masyarakat. Kehidupan masa depan lebih terjamin sekiranya ada tabungan yang mencukupi. Sememangnya terdapat pelbagai cara untuk membuat tabungan. Kesemua kaedah tersebut akan membantu remaja untuk berjimat. Hal ini akan dapat mendorong mereka untuk menjauhi pembaziran, bak kata bidalan, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Mereka mudah dibentuk sikap baiknya jika ditunjukkan teladan yang baik. Oleh hal yang demikian, aktiviti menabung merupakan amalan mulia yang perlu dijadikan budaya hidup dan dipraktikkan oleh semua pihak.

Dipetikan dan diubah suai
daripada Menabung untuk Kemudahan Masa Hadapan
Oleh Nadia Akmar Ahmad, *Dewan Siswa* Bil. 09/2022.

Bahan 2



Bahan 3

PANTUN MENABUNG

Pagi hari membeli kangkung,
Sayur kangkung juga peria;
Kita harus rajin menabung,
Agar hidup menjadi bahagia.

Turun ke ladang memetik kacang,
Hendak dibuat masak lemak;
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazir pasti terelak.

Jalan-jalan cari makan,
Cari makan di kedai Pak Seman;
Sikap boros amalan syaitan,
Hendaklah jauhi jangan amalkan.

Adik Abu duduk menjaja,
Pegaga dijual bersama gelama ;
Berjimat cermat dalam berbelanja,
Amalan dituntut oleh agama.

Sumber : Internet

SET 1

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
BAHASA MELAYU
Kertas 3**

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU
NASKHAH CALON**

NASKHAH CALON
BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1
[40 markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

DASAR PENDIDIKAN DIGITAL (DPD)



Selaras dengan kemajuan teknologi pada hari ini dan kebergantungan masyarakat pada penggunaan Internet, usaha Kementerian Pendidikan (KPM) melancarkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) mampu mengubah dan membawa sistem pendidikan negara ini maju ke hadapan setanding dengan negara maju yang lain. Dalam keadaan dunia tanpa sempadan, kegagalan kita untuk menjejak arus perkembangan bukan sahaja menyebabkan kita bakal jauh ketinggalan tetapi akan menjadikan generasi muda pada hari ini kurang daya saing di peringkat global. Langkah KPM memperkenalkan DPD ini perlu disokong oleh semua pihak untuk memantapkan lagi sistem pendidikan walaupun kita sedia maklum masih terdapat banyak halangan dan kekangan yang perlu ditangani. Namun begitu, kita yakin bahawa pihak KPM sudah pasti berusaha keras mengenal pasti segala cabaran dan rintangan sebelum mengambil keputusan melancarkan seterusnya melaksanakan DPD ini. Apa-apa yang diperlukan ketika ini ialah sokongan daripada semua pihak termasuk para pendidik, ibu bapa dan kesediaan pelajar untuk menerima perubahan yang diinginkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'DPD Mampu Melahirkan Pelajar Bertaraf Global'
Oleh Norazman Radzin
Dewan Masyarakat, 27 Jun 2024.

NASKHAH CALON
BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA : KERJAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SUKA-SUKA MENJADI KERJAYA



Kerjaya sebagai jurusolek ini mungkin nampak mudah bagi sesetengah orang. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui bahawa selain bakat seni, seseorang jurusolek itu perlu mendalami bidang ini dengan ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana, tugas menyolek seseorang itu memerlukan jurusolek membuat kajian tentang kesesuaian wajah, personaliti, warna dan konsep atau tema sesuatu majlis. Lazimnya, solekan diwujudkan bagi memberikan kesempurnaan atau kecantikan kepada seseorang. Hanya dengan satu palitan seperti memakai pemerah pipi atau gincu, perwatakan menarik pada wajah dapat dihasilkan. Solekan juga merupakan perkara asas bagi kecantikan dan menjadi pelengkap seseorang wanita. Sehubungan dengan itu, khidmat seorang jurusolek amat diperlukan bagi menghias rupa atau wajah seseorang individu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Suka-Suka Menjadi Kerjaya'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

NASKHAH CALON
BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3
[40 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TAJUK : BOLA YANG MELERET



Boling padang merupakan sukan yang digemari di negara-negara Komanwel. Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi asimetri yang dipanggil bowl, bola kayu kecil berwarna putih atau kuning yang dinamakan *jack*, pita pengukur, dan tikar.

Gelanggang boling padang dikenali sebagai *green*. Terdapat tiga jenis gelanggang, iaitu gelanggang yang ditanam dengan rumput asli, diliputi rumput tiruan, dan dihampari karpet. Gelanggang rumput asli dan rumput tiruan berada di kawasan luar, manakala gelanggang berkarpet berada di dalam dewan. Gelanggang di luar dikelilingi parit yang mengandungi pasir halus dan tebingnya diperbuat daripada kayu atau konkrit serta dilapik dengan karpet atau getah supaya tidak memberikan lantunan yang kuat.

Boling padang dipertandingkan dalam empat kategori, iaitu perseorangan, berpasangan, bertiga, dan berempat untuk lelaki dan wanita. Bagi acara perseorangan dan berpasangan, pemain akan menggunakan empat biji *bowl*.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Inovasi Pendidikan Tingkatkan
Kualiti Pembelajaran Bahasa Melayu' oleh Nora Markum,
Dewan Bahasa, 18 April 2024

SET 1

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
BAHASA MELAYU
Kertas 3**

1103/3

**UJIAN BERTUTUR KUMPULAN
NASKHAH CALON**

NASKHAH CALON

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Pembelajaran Digital penting kepada semua pihak.
Bincangkan.

NASKHAH CALON

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 markah]

TEMA : KERJAYA

Pelbagai persediaan perlu dilakukan untuk memenuhi kerjaya impian.

Bincangkan.

NASKAH CALON

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 3

[30 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Pelbagai pihak memainkan peranan dalam meningkatkan mutu sukan negara.

Bincangkan.

SET 1

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
BAHASA MELAYU
Kertas 3**

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU
NASKHAH PENTAKSIR**

NASKHAH PENTAKSIR
BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1
[40 Markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

DASAR PENDIDIKAN DIGITAL (DPD)



Selaras dengan kemajuan teknologi pada hari ini dan kebergantungan masyarakat pada penggunaan Internet, usaha Kementerian Pendidikan (KPM) melancarkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) mampu mengubah dan membawa sistem pendidikan negara ini maju ke hadapan setanding dengan negara maju yang lain. Dalam keadaan dunia tanpa sempadan, kegagalan kita untuk menjejak arus perkembangan bukan sahaja menyebabkan kita bakal jauh ketinggalan tetapi akan menjadikan generasi muda pada hari ini kurang daya saing di peringkat global. **Langkah KPM memperkenalkan DPD ini perlu disokong oleh semua pihak untuk memantapkan lagi sistem pendidikan** walaupun kita sedia maklum masih terdapat banyak halangan dan kekangan yang perlu ditangani. Namun begitu, kita yakin bahawa pihak KPM sudah pasti berusaha keras mengenal pasti segala cabaran dan rintangan sebelum mengambil keputusan melancarkan seterusnya melaksanakan DPD ini. **Apa-apa yang diperlukan ketika ini ialah sokongan daripada semua pihak termasuk para pendidik, ibu bapa dan kesediaan pelajar untuk menerima perubahan yang diinginkan.**

Dipetik dan diubah suai daripada
'DPD Mampu Melahirkan Pelajar Bertaraf Global'
Oleh Norazman Radzin
Dewan Masyarakat, 27 Jun 2024

Soalan 1

Mengapakah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan Dasar Pendidikan Digital (DPD)?

Soalan 2

Siapakah yang perlu menyokong Dasar Pendidikan Digital (DPD)?

Soalan 3

Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan pembelajaran digital?

- i. Guru kurang kemahiran teknologi maklumat
- ii. Ibu bapa - bebanan kewangan - kos membeli peranti digital
- iii. Murid - tidak fokus terhadap pembelajaran kerana terdedah dengan laman sesawang yang lebih menarik.

Soalan 4

Sebagai ibu bapa yang prihatin, nyatakan cara anda membantu anak-anak supaya tidak ketinggalan dalam pembelajaran berteraskan digital.

- i. Memberi motivasi kepada anak-anak.
- ii. Menghantar anak-anak ke kelas tambahan.
- iii. Membeli peranti digital yang dapat membantu dalam pembelajaran.

NASKAH PENTAKSIR

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA : KERJAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SUKA-SUKA MENJADI KERJAYA



Kerjaya sebagai jurusolek ini mungkin nampak mudah bagi sesetengah orang. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui bahawa selain bakat seni, seseorang jurusolek itu perlu mendalami bidang ini dengan ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana, **tugas menyolek seseorang itu memerlukan jurusolek membuat kajian tentang kesesuaian wajah, personaliti, warna dan konsep atau tema sesuatu majlis.** Lazimnya, **solekan diwujudkan bagi memberikan kesempurnaan atau kecantikan kepada seseorang.** Hanya dengan satu palitan seperti memakai pemerah pipi atau gincu, perwatakan menarik pada wajah dapat dihasilkan. Solekan juga merupakan perkara asas bagi kecantikan dan menjadi pelengkap seseorang wanita. Sehubungan dengan itu, khidmat seorang jurusolek amat diperlukan bagi menghias rupa atau wajah seseorang individu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Suka-Suka Menjadi Kerjaya'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Soalan 1

Apakah kepentingan solekan terutamanya kepada seorang wanita?

Soalan 2

Sebagai seorang jurusolek, selain bakat seni, mengapakah mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu?

Soalan 3

Pada pendapat anda, mengapakah kita memerlukan kerjaya yang baik dalam kehidupan?

- menjamin masa hadapan yang cerah
- sumber pendapatan untuk keperluan
- mengelakkan stres akibat sara hidup yang semakin meningkat

Soalan 4

Di negara kita terdapat dua sektor pekerjaan yang utama iaitu kerajaan dan swasta. Uraikan perbezaan antara kedua-dua sektor tersebut.

KERAJAAN

- Elaun perumahan/ Cost of living allowance (COLA)/Imbuhan tetap khidmat awam (Itka)
- Kenaikan gaji setiap tahun
- Kemudahan pinjaman perumahan, komputer dan kenderaan
- Cuti tahunan mengikut kelayakan/ Cuti bersalin
- Caruman KWSP atau pencen
- Peluang untuk berkursus dari semasa ke semasa
- Lebih banyak masa diluangkan bersama keluarga
- Kestabilan ekonomi sendiri
- Potensi dibuang kerja amat tipis
- Kerja yang lebih tenang dan selesa.

SWASTA

- Mutu kerja diutamakan dalam setiap perkara
- Elaun yang lebih tinggi diberi mengikut kelayakan/keuntungan syarikat
- Gaji pokok yang tinggi

- Berorientasikan keuntungan syarikat
- Cuti tahunan, cuti bersalin, cuti perkahwinan
- Rawatan perubatan di klinik dan hospital swasta yang lebih selesa mengikut kelayakan
- Suasana kerja yang lebih efisien dengan menggunakan kecanggihan ICT
- Ruang kerja yang kondusif

NASKHAH CALON
BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3
[40 Markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TAJUK : BOLA YANG MELERET



Boling padang merupakan sukan yang digemari di negara-negara Komanwel. **Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi asimetri yang dipanggil bowl, bola kayu kecil berwarna putih atau kuning yang dinamakan jack, pita pengukur, dan tikar.** Gelanggang boling padang dikenali sebagai *green*. **Terdapat tiga jenis gelanggang, iaitu gelanggang yang ditanam dengan rumput asli, diliputi rumput tiruan, dan dihampari karpet.** Gelanggang rumput asli dan rumput tiruan berada di kawasan luar, manakala gelanggang berkarpet berada di dalam dewan. Gelanggang di luar dikelilingi parit yang mengandungi pasir halus dan tebingnya diperbuat daripada kayu atau konkrit serta dilapik dengan karpet atau getah supaya tidak memberikan lantunan yang kuat. Boling padang dipertandingkan dalam empat kategori, iaitu perseorangan, berpasangan, bertiga, dan berempat untuk lelaki dan wanita. Bagi acara perseorangan dan berpasangan, pemain akan menggunakan empat biji *bowl*.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Inovasi Pendidikan Tingkatkan
Kualiti Pembelajaran Bahasa Melayu' oleh Nora Markum,
Dewan Bahasa, 18 April 2024

Soalan 1

Nyatakan bola yang digunakan untuk permainan boling padang?

Soalan 2

Nyatakan jenis-jenis gelanggang untuk permainan boling padang.

Soalan 3

Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk menarik minat masyarakat untuk terlibat dalam bidang sukan?

- memberikan galakan dengan cara membeli peralatan sukan
- menggalakkan anak-anak untuk menceburkan diri dalam bidang sukan dengan aktif.
- memberikan sokongan moral dengan menghantar anak-anak mereka ke tempat latihan
- membelikan anak-anak majalah sukan

Soalan 4

Jelaskan kebaikan-kebaikan bidang sukan kepada masyarakat.

- menjamin kesihatan diri
- mengurangkan stres
- menjadi kerjaya
- memupuk semangat setia kawan
- membanteras gejala tidak sihat seperti lumba haram dan sebagainya
- menyumbang kepada ekonomi negara

SET 1

**MODUL INTERVENSI PENTAKSIRAN MASYHUR
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN
JASIN, MELAKA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
BAHASA MELAYU
Kertas 3**

1103/3

**UJIAN BERTUTUR KUMPULAN
NASKHAH PENTAKSIR**

NASKHAH CALON
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1
[30 markah]
TEMA : PENDIDIKAN

Pembelajaran Digital penting kepada semua pihak. Bincangkan.

CADANGAN JAWAPAN :

Interaktif dan Menarik:

Platform pembelajaran digital dapat menyajikan bahan pembelajaran dalam bentuk yang lebih interaktif dan menarik. Penggunaan elemen gamifikasi atau multimedia dapat membuat pembelajaran lebih menyenangkan bagi murid-murid sekolah rendah.

Personalisasi Pembelajaran:

Teknologi membolehkan personalisasi pembelajaran dengan menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan setiap murid. Ini membolehkan setiap murid belajar pada kadar dan gaya mereka sendiri.

Akses Mudah:

Pembelajaran digital membolehkan akses mudah kepada pelbagai sumber maklumat dan bahan pembelajaran. Murid-murid dapat mengakses bahan pembelajaran dari mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa, memberi kelebihan keterbukaan dan fleksibiliti.

Pembelajaran Kolaboratif:

Alat-alat pembelajaran digital memudahkan kerjasama di antara murid-murid. Mereka dapat bekerjasama dalam projek, berkongsi maklumat, dan berkomunikasi secara dalam talian, membangunkan kemahiran kerjasama dan komunikasi.

Peningkatan Kebolehan Teknologi:

Pembelajaran digital memperkenalkan murid-murid kepada teknologi dan membangunkan kebolehan teknologi mereka sejak usia muda. Hal ini penting untuk menyediakan mereka dengan kemahiran yang relevan untuk era digital.

Penilaian Berasaskan Teknologi:

Sistem penilaian berasaskan teknologi membolehkan penilaian yang dinamik dan menyeluruh. Guru dapat menggunakan pelbagai jenis penilaian, seperti ujian dalam talian atau projek multimedia, untuk menilai pemahaman murid.

Penggunaan Aplikasi Pendidikan:

Aplikasi pendidikan boleh membantu memperkukuhkan konsep pembelajaran dalam bentuk permainan atau aktiviti interaktif. Hal ini dapat membantu meningkatkan daya ingatan dan pemahaman murid-murid.

Keupayaan Pemantauan Progres:

Dengan alat pemantauan dalam talian, guru dan ibu bapa dapat memantau progres pembelajaran murid secara terperinci. Hal ini membolehkan penyediaan bimbingan yang lebih baik dan penyelarasan antara pengajaran di sekolah dan di rumah.

NASKAH PENTAKSIR

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 markah]

TEMA : KERJAYA

Pelbagai persediaan perlu dilakukan untuk memenuhi kerjaya impian.

Bincangkan.

CADANGAN JAWAPAN :

- kelayakan akademik dalam pekerjaan
- kemahiran komunikasi ketahanan fizikal dan mental
- mengetahui prospek dan risiko kerjaya
- menguasai kemahiran penyelesaian masalah
- bersikap toleransi dan rasional

NASKAH PENTAKSIR

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 3

[30 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Pelbagai pihak memainkan peranan dalam meningkatkan mutu sukan negara.

Bincangkan.

CADANGAN JAWAPAN :

Isi-isi penting

KERAJAAN

- menyediakan infrastruktur sukan yang lengkap
- mendedahkan atlet ke pertandingan antarabangsa
- memastikan kebajikan atlet terjamin
- memperbaiki program pembangunan atlet

SEKOLAH

- memperkasa peranan persatuan sukan
- menggunakan sains dan teknologi dalam sukan

**UJIAN MENDENGAR
BAHASA MELAYU
SPM Kertas 4**

1103/4

30 minit

Tiga puluh minit

ARAHAN : JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 4 petikan.

1. *Jawab semua soalan.*
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam ruangan yang disediakan.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan di dalam kurungan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Petikan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1		
2		
3		
4		
Jumlah	30	

NAMA

TINGKATAN

PETIKAN 1 : SAJAK

AUDIO UJIAN MENDENGAR
BAHASA MELAYU SPM KERTAS 4
DAERAH JASIN, MELAKA



1. Apakah yang dikenang oleh penyajak?

[1 markah]

2. Lengkapkan sajak berikut.

_____ menjadi saksi _____ menjadi bukti. [2 markah]

2. Apakah yang dilakukan oleh penyajak semasa bersujud?

[1 markah]

3. Nyatakan doa penyajak kepada Tuhan Yang Esa.

[2 markah]

[2 markah]

PETIKAN 2 : CERPEN

1. Berapakah bilangan anak suami dan isteri tersebut?

[1 markah]

2. Apakah jantina anak tersebut?

[1 markah]

3. Nyatakan binatang ternakan yang terdapat di dalam cerita tersebut.

[1 markah]

4. Segala ternakan dan harta benda anak yatim tersebut diambil oleh orang-orang jahat kecuali sebuah _____ yang digali dan dibuat sendiri oleh

[2 markah]

Arahan : Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 5**.

5. Maklumat di bawah adalah benar tentang anak sulung di dalam cerita tersebut *kecuali*
- a) Anak sulung itu cacat.
 - b) Anak sulung itu kakinya kerekot, jari-jari kakinya tumbuh melekat satu sama lain
 - c) Anak sulung itu kedua-dua tumitnya berlubang.
 - d) Anak sulung itu kakinya seperti kaki ayam.

[1 markah]

PETIKAN 3 : BERITA

Arahan : Bulatkan jawapan bagi **Soalan 1**

1. Pelajar yang menghadiri ceramah tersebut dalam lingkungan umur
- a) 13 hingga 18 tahun
 - b) 13 hingga 16 tahun
 - c) 13 hingga 17 tahun
 - d) 13 hingga 70 tahun

[1 markah]

2. Siapakah yang menganjurkan ceramah tersebut?

[1 markah]

3. Tajuk ceramah tersebut ialah _____

[2 markah]

4. Majlis dimulai dengan ucapan _____

[1 markah]

5. Nyatakan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar .

Soal jawab	
Perbincangan kumpulan.	
Kuiz	

[2 markah]

PETIKAN 4 : SURAT

1. Surat tersebut ditujukan daripada _____ kepada _____?
[2 markah]
2. Apakah yang berlaku setelah kehilangan ayahanda?

[1 markah]

[1 markah]
3. Berapakah jumlah hutang asrama yang masih belum dibayar kepada pihak sekolah?

[1 markah]
4. Nyatakan perkara yang akan dilakukan apabila pulang ke rumah.

[1 markah]

[1 markah]
5. Menjelang bulan _____ genap _____ bulan ayahanda meninggal dunia.
[2 markah]

PANDUAN PENANDAAN

KERTAS 1 [SET 1] BAHAGIAN A

TEMA SOALAN	: Menghargai jasa pahlawan
FOKUS UTAMA	: Langkah / Usaha / Cara / Tindakan / Kaedah / Inisiatif menghargai jasa pahlawan
FORMAT	: Tiada

ISI BERDASARKAN BAHAN:

1. Langkah / Usaha / Cara / Tindakan / Kaedah / Inisiatif menghargai jasa pahlawan
 - 1.1. Mengadakan sambutan Hari Pahlawan
 - 1.2. Membuat filem daripada adaptasi novel tokoh-tokoh negara
 - 1.3. Mengingati nama tokoh-tokoh pahlawan

CADANGAN ISI

Diharapkan calon dapat menyata dan menghuraikan langkah / usaha / cara / tindakan / kaedah / inisiatif menghargai jasa pahlawan.

Isi yang mesti ditulis oleh calon:

1. Mengadakan sambutan Hari Pahlawan
2. Menghasilkan filem daripada adaptasi novel tokoh-tokoh negara
3. Mengingati nama tokoh-tokoh pahlawan

KEMUNGKINAN

- i. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- ii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan langkah / usaha / cara/ tindakan / kaedah / inisiatif menghargai jasa pahlawan– Diterima
- iii. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – Maksimum Kepujian .
- iv. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – Maksimum Kepujian.
- v. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – Maksimum peringkat memuaskan.
- vi. Jika calon menulis dalam bentuk point – Maksimum peringkat Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum.

BAHAGIAN B

1. **TEMA SOALAN** : Kerjaya
FOKUS UTAMA : Persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan
FORMAT : Pidato

Tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **persediaan remaja sebelum menempuh alam pekerjaan**

Cadangan idea – selain daripada stimulus

- ✓ Melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi
- ✓ Melatih kemahiran komunikasi
- ✓ Membentuk ketahanan fizikal dan mental

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan ..- **TERIMA SEPERTI BIASA**

2. **Tugasan soalan**

Calon dikehendaki menghuraikan **kesan negatif jenayah siber kepada masyarakat.**

Cadangan idea - daripada stimulus

- ✓ Mangsa mendapat bala/musibah
- ✓ Wang/harta benda lesap dalam sekelip mata
- ✓ Keselamatan terancam dan hidup dalam ketakutan

Cadangan idea - daripada calon

- ✓ Capaian secara tidak sah ke atas sistem
- ✓ Judi siber
- ✓ Kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau data komputer
- ✓ Pornografi

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan - **TERIMA SEPERTI BIASA**
2. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
3. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kelebihan kesan buruk jenayah siber - **TERIMA SEPERTI BIASA**

3. **TEMA SOALAN** : Perpaduan
FOKUS UTAMA : Usaha-usaha mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.
FORMAT : Tiada

Tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.**

Cadangan idea – selain daripada stimulus

- ✓ Didikan ibu bapa – menjadi suri teladan
- ✓ Pihak kerajaan menganjurkan kempen atau ceramah perpaduan kaum..
- ✓ Masyarakat menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong.

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
 - ii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan usaha-usaha mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. - **TERIMA SEPERTI BIASA**
4. **TEMA SOALAN** : Perindustrian
FOKUS UTAMA : Punca-punca yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport makanan dari luar negara.
FORMAT : Tiada

Tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **punca-punca yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport makanan dari luar negara.**

Cadangan idea – selain daripada stimulus

- ✓ Kuantiti makanan tidak cukup
- ✓ Tanah- tanih, bentuk muka bumi tidak sesuai untuk sesetengah makanan
- ✓ Ciri-ciri iklim yang tidak sesuai untuk sesetengah tanaman

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan punca-punca yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport makanan dari luar negara. - **TERIMA SEPERTI BIASA**

**PANDUAN JAWAPAN
KERTAS 2 [SET 1]**

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Soalan 1: Morfologi

Kata Adjektif Terbitan Sisipan:

1. gemuruh
2. gemilang

Kata Adjektif Terbitan Awalan:

1. terpuji

Kata Adjektif Pengandaian Berentak:

1. sorak-sorai

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

AYAT	JENIS AYAT
1. Silalah duduk di kerusi tu sementara saya menyelesaikan kerja pemberian makanan kepada ikan talapia ni.	Ayat silaan
2. Lap dulu kerusi tu dengan kain buruk itu.	Ayat suruhan
3. Jangan susah-susah kerana saya	Ayat larangan
4. Usah kurang kerana boleh menjejaskan pertumbuhannya.	Ayat larangan
5. Haraplah suatu hari nanti kamu diiktiraf sebagai penternak yang berjaya.	Ayat permintaan
6. Ambil ikan ni bawa balik ke rumah dan suruh isteri kamu masak.	Ayat suruhan

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

BIL	SALAH	BETUL
1.	jaga	menjaga
2.	senang	mudah
3.	dimudaratkan	memudaratkan
4.	dan	tetapi
5.	di gunakan	digunakan
6.	dapat	boleh
7.	bersesuai	bersesuaian
8.	kepada	pada
9.	baby	bayi
10.	disapukan	disapu
11.	Bukan perlu	tidak perlu

[6 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

BAHASA KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi.	Laksamana membahagikan harta kepada tiga bahagian dan Laksamana cuma mengambil satu bahagian harta.
Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya.	Satu bahagian yang diambil dibahagikan kepada tiga bahagian; satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian didermakan kepada pegawai yang tidak ada jawatan, manakala satu bahagian didermakan kepada pengikutnya.
Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.	Semua harta yang diserahkan telah habis dibahagikan.; Laksamana tidak mengambil apa-apa harta.

[6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

1. Khabar angin
2. Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit
3. Setengah masak

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Soalan 6

- i. Maksud *melepaskan stres*
- menghilangkan/ menghapuskan/ melenyapkan tekanan 2
 - Melepaskan tekanan 1

[Maksimum : 2 markah]

- ii. Sebab-sebab remaja terlibat dengan vandalisme

Bahan 1

P1 remaja yang sering menghadapi krisis identiti diri

P2 meluahkan perasaan tidak puas hati dan protes

P3 sekadar untuk suka-suka atau terpengaruh oleh kerenah remaja dari Barat

P4 melepaskan stres dan kemarahan

Bahan 2

P1 pengaruh rakan sebaya

P2 masalah keluarga

P3 dipengaruhi oleh emosi dan tekanan

Bahan 3

P1 meluahkan perasaan tidak puas hati

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan ketiga-tiga bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- iii. kesan-kesan yang berlaku sekiranya gejala vandalisme tidak dikekang sepenuhnya

P1 melahirkan remaja yang tidak berdisiplin

P2 melahirkan generasi muda yang tidak bertanggungjawab

P3 keruntuhan akhlak remaja

P4 melahirkan remaja yang tidak ada perasaan cinta kepada negara

P5 mencemarkan imej negara

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- iv. cara-cara yang saya akan lakukan untuk membantu rakan anda itu agar membuang tabiat buruknya.

P1 menasihatinya/ menegur perbuatan tersebut

P2 memaklumkan kepada ibu bapanya/ ahli keluarga

P3 meminta bantuan kaunselor/ membawa berjumpa dengan kaunselor

P4 mengajaknya melakukan perkara yang berfaedah/ mendekati agama/

sukarelawan/ riadah/ melakukan ulang kaji bersama-sama

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 7

(i) Maksud

	Markah
P1 pemacu / sumber penting	2
P2 pemacu / sumber <i>utama</i>	1
P3 <i>penyumbang</i> penting	1

(ii) Kepentingan-kepentingan

Bahan 1

- P1 memastikan sumber alam lestari
- P2 memastikan penjagaan alam sekitar
- P3 memastikan pembangunan sosial seimbang dan harmoni
- P4 memastikan pembangunan fizikal dipelihara dan dipulihara

Bahan 2

- P1 situasi menang-menang
- P2 pusat pelancongan dibina
- P3 khazanah negara dipelihara

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

: Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi

[Maksimum : 3 *markah*]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Faktor-faktor

- P1 terlalu rakus mengejar keuntungan sehingga mengorbankan kesucian alam sekitar.
- P2 kepincangan dalam pengurusan pembangunan tanpa mengambil kira penjagaan alam sekitar yang sempurna.
- P3 kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang.
- P4 kesedaran masyarakat mengenai kepentingan alam sekitar masih rendah

Nota : Faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai.

[Maksimum : 4 *markah*]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan

- P1 mengamalkan gaya hidup yang mesra alam
- P2 terlibat sama secara aktif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar
- P3 mengajak rakan-rakan menjaga alam sekitar dengan tidak membuang sampah merata-rata
- P4 menyokong segala bentuk kempen dan program melestarikan alam sekitar

Nota : Cara-cara lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 *markah*]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Tindakan-tindakan

P1 Mengawal persembahan di komputer riba

P2 Asyik memerhati abangnya dengan sungguh-sungguh

P3 Mencatat nota

(ii) **Novel Pantai Kasih**

Peristiwa :

Dr. Raiha bertanggungjawab mempertahankan bayi dalam kandungan walaupun didesak oleh suaminya agar kandungan tersebut digugurkan.

Huraian :

Peristiwa ini menunjukkan rasa tanggungjawab seorang ibu yang perlu mempertahankan dan menjaga amanah yang dikurniakan dengan penuh tanggungjawab.

Peristiwa :

Dr. Raiha telah menjalankan pembedahan sendi tulang pinggul ke atas pesakit yang bernama Unong Siron untuk kali ke-6 dan akhirnya pembedahan tersebut berjaya.

Huraian :

Peristiwa ini menunjukkan rasa tanggungjawab seorang doktor terhadap pesakitnya dan telah melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Novel Bima Sakti Menari

Peristiwa :

Nurul Hafsa, Muhamad Taufik dan Budiman bertanggungjawab menyediakan kertas kerjaya lengkap tentang Projek Kawasan Simpan Langit Gelap sebelum dibentangkan di hadapan Menteri Besar dan para ilmuwan .

Huraian :

Peristiwa ini menunjukkan rasa tanggungjawab golongan anak muda tentang kepentingan melestarikan alam sekitar.

Peristiwa :

Pn. Mariam Wickham telah memasak makanan kegemaran Muhammad Taufik sewaktu sesekali mereka bertemu .

Huraian :

Peristiwa ini menunjukkan rasa tanggungjawab seorang ibu terhadap anaknya walaupun mereka tidak tinggal bersama.

Nota : Peristiwa tanggungjawab yang lain boleh diterima sekiranya sesuai

Soalan 9

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1	Rumusan membincangkan langkah-langkah /cara-cara/kaedah-kaedah/usaha-usaha memupuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar dan kebaikan - kebaikannya./kelebihan-kelebihannya/faedah -faedahnyamanfaat-manfaatnya	2m
P2	membincangkan langkah-langkah /cara-cara/kaedah-kaedah/usaha-usaha memupuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar.	1m
P3	membincangkan kebaikan-kebaikan./kelebihan-kelebihan/faedah - faedah/manfaat-manfaat memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar	1m
Isi [16 markah]		Markah
<u>Bahan 1 :</u> <u>Fokus 1: Langkah-langkah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar</u>		
A1	Penyata Razak 1956 yang bertujuan menyatukan semua pelajar daripada pelbagai bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.	2m
A2	Melalui penghayatan dan rasa bangga menjadi warganegara Malaysia.	2m
A3	Memupuk dan menghayati semangat setia kawan, tolak ansur dan toleransi di sekolah.	2m
A4	Dalam bidang akademik, sentimen perpaduan dapat kita bangkitkan di sekolah dengan menekankan nilai-nilai rohani dan budaya bersama-sama dengan pelbagai kaum.	2m
A5	Dasar penubuhan sekolah wawasan yang menggabungkan ketiga-tiga sekolah rendah iaitu SRK, SRJK(C) dan SRJK(T) turut menyumbang ke arah perpaduan antara kaum yang sanggup berkongsi dalam pelbagai aspek.	2m
A6	Kegiatan kokurikulum di sekolah juga mampu memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar melalui aktiviti pelbagai kaum.	
<u>Fokus 2: Kebaikan-kebaikan memupuk perpaduan kaum</u>		
B1	Memupuk perpaduan agar tragedi 13 Mei 1969 tidak berulang lagi.	2m
B2	Menimbulkan sentimen perpaduan dan semangat bekerjasama dalam kalangan pelbagai kaum.	2m
B3	Perpaduan dan integrasi nasional dapat dicapai dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia	2m
B4	Melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.	2m

<p><u>Bahan 2 :</u> <u>Fokus2: Kebaikan memupuk perpaduan kaum</u> C1 Dapat mengelakkan semangat assabiah C2 Dapat membangunkan ekonomi negara C3 Dapat meningkatkan imej negara di mata dunia</p>	<p>2m 2m 2m</p>
Penutup [2 markah]	Markah
<p>K1 Kesimpulannya,perpaduan kaum perlu di perkukuhkan agar keamanan negara kekal terpelihara.</p> <p style="text-align: center;">[Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]</p>	2m

**PANDUAN PENANDAAN [SET 2]
KERTAS 1 [BAHAGIAN A]**

TEMA SOALAN : Pelancongan
FOKUS UTAMA : Manfaat melancong kepada minda
FORMAT : Tiada

CADANGAN ISI

Diharapkan calon dapat menyatakan dan menghuraikan manfaat melancong kepada minda.

Isi yang mesti ditulis oleh calon:

- i. Tingkatkan kreativiti dan pemikiran
- ii. Minda lebih tenang
- iii. Tahap kualiti kesihatan umum meningkat
- iv. Kualiti tidur meningkat

KEMUNGKINAN

- i. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan
- ii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan manfaat melancong kepada minda– Diterima
- iii. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – Maksimum Kepujian
- iv. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – Maksimum Kepujian
- v. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – Maksimum peringkat memuaskan.
- vi. Jika calon menulis dalam bentuk point – Maksimum peringkat Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum.
- vii. Jika calon menulis langkah serta jalan penyelesaian serta kesan dan menyentuh bahan – Layak Cemerlang.

[BAHAGIAN B]

1. **TEMA SOALAN** : Obesiti
FOKUS UTAMA : Faktor-faktor obesiti
FORMAT : Tiada

Tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor obesiti**

Cadangan idea – daripada stimulus

- ✓ Mengamalkan gaya hidup tidak sihat
- ✓ Tidak melakukan senaman
- ✓ Makan secara berlebihan

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan faktor-faktor obesiti - **TERIMA SEPERTI BIASA**

2. **TEMA SOALAN** : TVET

FOKUS UTAMA : Kelebihan menyambung pelajaran dalam bidang TVET

FORMAT : Tiada

Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **kelebihan-kelebihan menyambung pelajaran dalam bidang TVET**

Cadangan idea - daripada stimulus

- i. memberi peluang kepada murid yang kurang cemerlang akademik mereka menyambung pelajaran
- ii. menyediakan tenaga kerja yang mahir dalam bidang teknikal
- iii. meningkatkan daya saing serta potensi dalam negara.

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kelebihan menyambung pelajaran dalam bidang TVET - **terima seperti biasa**
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan idea lain **TANPA** menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**

3. **TEMA SOALAN** : Karya sastera bermutu
FOKUS UTAMA : Ciri-ciri yang penting dalam penghasilan sesebuah karya yang bermutu.
FORMAT : Tiada

Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan ciri-ciri yang penting dalam penghasilan sesebuah karya yang bermutu.

Cadangan idea - daripada stimulus

- i. Pengarang yang berbakat biasanya bijak menggabungkan bakat, imaginasi dan realiti kehidupan yang sedang dihadapinya dalam karya mereka.
- ii. Penilaian dan kritikan daripada editor.
- iii. Kawalan kualiti pengkaryaan daripada pihak ketiga seperti DBP.

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan **semua** idea dalam petikan dan idea lain yang relevan - Terima seperti biasa.
- ii. Calon menghuraikan idea lain **tanpa menyentuh** atau **menyentuh sebahagian sahaja** idea dalam petikan - maksimum peringkat Kepujian.

4. **TEMA SOALAN** : Rasuah
FOKUS UTAMA : Peranan pelbagai pihak dalam memastikan amalan rasuah di Malaysia dapat dibanteras.
FORMAT : Tiada

Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan peranan pelbagai pihak dalam memastikan amalan rasuah di Malaysia dapat dibanteras.

Cadangan idea - daripada stimulus

- i. Pihak kerajaan
- ii. Pihak masyarakat
- iii. Pihak keluarga
- iv. Pihak media massa

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan **peranan pelbagai pihak**-Terima seperti biasa.
- ii. Calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja - Maksimum peringkat Kepujian.

**PANDUAN JAWAPAN
KERTAS 2 [SET 2]**

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Soalan 1: Morfologi

Kata Majmuk:

- i) guru kanan mata pelajaran
- ii) guru penolong kanan
- iii) guru cemerlang
- iv) luncur angin
- v) sukan air
- vi) taman tema air
- vii) badan air
- viii) udara segar

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

i.	Subjek	Malaysia
	Predikat	merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan.
ii.	Subjek	Semua bangsa
	Predikat	dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan prinsip-prinsip jitu untuk perpaduan.
iii.	Subjek	Masyarakat Malaysia
	Predikat	hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan.
iv.	Subjek	Masyarakat pelbagai kaum
	Predikat	boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi.

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Petikan 1

BIL	SALAH	BETUL
1.	Bena	bina
2.	Hidup	kehidupan
3.	Tomografi	topografi
4.	Pertimbangkan	pertimbangan
5.	turun temurun	turun-temurun
6.	Dipengaruhi	mempengaruhi

[6 markah]

Petikan 2

BIL	SALAH	BETUL
1.	Taraf	Tahap
2.	Dapat	Boleh
3.	Apabila	Kerana
4.	tikus gigit	digigit oleh tikus
5.	Terbuka	Terdedah

[5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

BAHASA KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta menyuruh berkata kepada Tun Perak.	Sultan telah bertitah kepada Seri Amerta untuk bertanyakan hal tersebut kepada Tun Perak.
Maka Tun Perak pun datang menghadap.	Tun Perak telah menghadap.
Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadu dirinya teraniaya oleh Tun Perak.	Seterusnya, Seri Amerta berkata kepada Tun Perak. “Orang ini telah mengatakan dirinya telah dianiaya oleh Tun Perak.
Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”	Mengapakah tuan hamba bersikap seperti itu?.”

[6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

1. menahan lukah di pergentian – menanggung di air yang keruh
2. lupa daratan – lupa diri
3. sakit sama mengadah, luka sama menyiuik – bersatu kita teguh, bercerai kita roboh

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Soalan 6

- i. Maksud *mempraktikkan tindakan*
- menjalankan/ melaksanakan/ mengamalkan/ melakukan/ perbuatan 2
 - menjalankan/ melaksanakan/ mengamalkan/ melakukan/ tindakan 1
 - mempraktikkan perbuatan 1

[Maksimum : 2 markah]

- ii. langkah-langkah amalan kitar semula

Bahan 1

P1 pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan denda

P2 syarikat pengeluar makanan dan minuman dalam tin diwajibkan mengitar semula kotak minuman yang telah digunakan

P3 kerajaan melaksanakan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik

Bahan 2

P1 menganjurkan pameran barangan kitar semula

P2 mengadakan pertandingan kitar semula antara kelas

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- iii. manfaat amalan kitar semula

P1 mencegah pembaziran bahan yang boleh diguna semula

P2 boleh mengurangkan penggunaan bahan mentah segar

P3 mengurangkan pencemaran alam sekitar

P4 menjimatkan perbelanjaan

P5 ekosistem menjadi stabil

P6 melestarikan alam sekitar

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- iv. tindakan saya dalam situasi ini

P1 mengambil gambar/ merakam video perbuatan tersebut

P2 membuat laporan kepada pihak berkuasa

P3 menularkan perbuatan tersebut di media sosial

P4 memberitahu hal tersebut kepada penduduk setempat

[Maksimum : 4 markah] [Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Maksud

	Markah
P1 tertakluk / tertindas selama-lamanya / kekal / sepanjang hayat	2
P2 tertakluk / tertindas <i>abadi</i>	1
P3 <i>terjajah</i> selama-lamanya / kekal / sepanjang hayat	1

(ii) Perubahan-perubahan

Bahan 1

- P1 berusaha memajukan diri / meningkatkan potensi diri
P2 membuang rasa rendah diri

Bahan 2

- P1 mendesak diri sendiri
P2 berjuang mengubah sikap

**Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.
: Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kesan-kesan

- P1 keamanan negara terganggu / konflik kemasyarakatan
P2 kestabilan ekonomi negara tidak dapat dikekalkan / kehilangan pelabur
P3 hubungan baik / diplomatik antara negara luar terjejas
P4 imej negara terjejas

Nota : Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Cara-cara

- P1 menasihati / memujuk
P2 melancong bersama-sama ke tempat yang mempunyai nilai sejarah
P3 mengajaknya menonton filem patriotik
P4 meminta bantuan guru untuk memberi kesedaran kepadanya

Nota : Cara-cara lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

- (i) Perwatakan See Hwa
P1 cantik
P2 sangat berbudi bahasa
P3 fasih bertutur dalam bahasa Melayu.

(ii) **Novel Pantai Kasih**

Peristiwa :

Dr Uwang sengaja menggunakan peralatan palsu sewaktu melakukan pembedahan terhadap Unong Siron sehinggakan Unong Siron terpaksa menjalani 6 kali pembedahan apabila 5 kali pembedahan tersebut gagal.

Huraian :

Masyarakat yang tamak dan mementingkan keuntungan semata-mata.

Peristiwa :

Dr Uwang masih mengunjungi kelab-kelab malam untuk berhibur walaupun dia berumahtangga dan memiliki seorang isteri yang jelita.

Huraian :

Masyarakat yang mementingkan keseronokan sehingga mengabaikan kebahagiaan rumahtangga.

Novel Bima Sakti Menari

Peristiwa :

Dato' Johann cuba menggagalkan pelaksanaan projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang dicadangkan oleh Nurul Hafsa Muhamad Taufik dan Budiman kerana bimbang perniagaan lampunya akan mengalami kerugian .

Huraian :

Masyarakat yang mementingkan keuntungan sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar.

Peristiwa :

Dato' Johann sengaja mengupah beberapa orang tonto yang bertujuan untuk mencederakan Muhamad Taifik yang sedang berusaha melaksanakan Kawasan Simpan Langit Gelap.

Huraian :

Masyarakat yang mementingkan diri sendiri sehingga sanggup bersikap kejam terhadap orang lain.

Nota : Peristiwa kepincangan masyarakat lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Soalan 9

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Rumusan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab/punca-punca yang menarik kedatangan pelancong dan usaha-usaha /langkah-langkah /cara-cara/kaedah-kaedah/ untuk meningkatkan industri pelancongan.	2m
P2 membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab/punca-punca yang menarik kedatangan pelancong.	1m
P3 membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/cara-cara/kaedah-kaedah untuk meningkatkan industri pelancongan.	1m
Isi [16 markah]	Markah
<u>Bahan 1 :</u> <u>Fokus 1 – Faktor-faktor menarik kedatangan pelancong</u> A1 Keadaan iklim semula jadi negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun. 2m A2 Malaysia memiliki sejarah pembentukan negara bangsa yang sangat unik. 2m A3 Kegiatan seni dan manipulasi fabrik suku kaum Kadazan dan Iban telah mendapat tempat dalam hati para pelancong. 2m A4 Udara yang segar dan nyaman tanpa pencemaran di negara ini menjadi nilai tambah yang menjadi lambang kehidupan yang tenang dan bersahaja. 2m A5 Malaysia merupakan destinasi percutian yang murah dan kompetitif kerana kadar tukaran asing yang menarik 2m A6 Kedudukan ekonomi yang maju, politik yang stabil, sosial yang harmoni dan keselamatan yang baik menjadi resipi utama bagi menarik lebih banyak pelancong asing. 2m	
<u>Fokus 2 – Usaha-usaha meningkatkan industri pelancongan</u> B1 Kerajaan Malaysia memajukan sektor pendidikan pengajian tinggi serta industri kesihatan dan perubatannya melalui promosi yang agresif. 2m B2 Penganjuran acara sukan bertaraf dunia dan persidangan antarabangsa juga meletakkan Malaysia di peta pelancongan sukan dan forum. 2m B3 Pembinaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC), Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, (PICC), dan Dewan Persidangan Hotel bertaraf lima bintang telah merencanakan ketibaan pelancong . 2m	

<p><u>Bahan 2 :</u> <u>Fokus 1 – Faktor-faktor menarik kedatangan pelancong</u> C1 Kepelbagaian barangan C2 Kepelbagaian budaya tempatan C3 Kemudahsampaian ke destinasi C4 Harga barangan murah</p>	<p>2m 2m 2m 2m</p>
Penutup [2 markah]	Markah
<p>K1 Kesimpulannya, sektor pelancongan hendaklah diperkasakan agar negara lebih makmur.</p> <p style="text-align: center;">[Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]</p>	2m

**PANDUAN PENANDAAN [SET 3]
KERTAS 1 [BAHAGIAN A]**

TEMA SOALAN : Jenayah Siber

FOKUS UTAMA : Faktor-faktor jenayah siber berlaku

FORMAT : Tiada

CADANGAN ISI

Diharapkan calon dapat menyata dan menghuraikan faktor-faktor jenayah siber berlaku. Isi yang mesti ditulis oleh calon:

1. Kurang penguatkuasaan undang-undang
2. Kurang pemantauan ibu bapa
3. Desakan ekonomi
4. Ciri keselamatan jalur lebar yang lemah.

KEMUNGKINAN

- i. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan
- ii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan Faktor-faktor jenayah siber berlaku – Diterima
- iii. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – Maksimum Kepujian
- iv. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – Maksimum Kepujian
- v. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – Maksimum peringkat memuaskan
- v. Jika calon menulis dalam bentuk point – Maksimum peringkat Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum.

[BAHAGIAN B]

1. **TEMA SOALAN** : Sukan
FOKUS UTAMA : Faedah-faedah bersukan kepada remaja
FORMAT : Tiada

Tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **faedah-faedah bersukan kepada remaja**

Cadangan idea – selain daripada stimulus

- Melahirkan remaja yang sihat
- Membantu remaja untuk membina tubuh badan yang sihat, cergas, dan menarik.

Kemungkinan jawapan

- ii. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
ii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan - **TERIMA SEPERTI BIASA**

2. **TEMA SOALAN** : Kebudayaan
FOKUS UTAMA :Langkah-langkah untuk terus melestarikan elemen kebudayaan di Malaysia
FORMAT : Tiada

Tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah untuk terus melestarikan elemen kebudayaan di Malaysia.

Cadangan idea - daripada stimulus

- Elemen kebudayaan dipertontonkan dalam setiap majlis rasmi.
- Penubuhan Sekolah Seni Malaysia

Kemungkinan jawapan

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan - **TERIMA SEPERTI BIASA**
ii. Calon menghuraikan semua idea sendiri - **TERIMA SEPERTI BIASA**
iii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan langkah-langkah untuk terus melestarikan elemen kebudayaan di Malaysia- **TERIMA SEPERTI BIASA.**

3. **TEMA SOALAN** : Pembelian secara dalam talian
FOKUS UTAMA : Faktor-faktor masyarakat membeli secara dalam talian.
FORMAT : Tiada

Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **faktor masyarakat membeli secara dalam talian.**

Cadangan idea – isi berdasarkan stimulus

- Kemajuan teknologi
- Sikap terlalu fokus terhadap pekerjaan
- Kekangan masa

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan isi berdasarkan stimulus yang diberi – **TERIMA SEPERTI BIASA**
2. Calon menghuraikan isi berdasarkan stimulus dan menambah isi lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan isi menggunakan idea sendiri – maksimum peringkat **MEMUASKAN**

4. **TEMA SOALAN** : Sektor pertanian
FOKUS UTAMA : Peranan pelbagai pihak yang turut membantu memajukan sektor pertanian negara
FORMAT : Tiada

Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **peranan pelbagai pihak yang turut membantu memajukan sektor pertanian negara selain FAMA.**

Cadangan idea- idea calon

Ibu bapa

- membawa anak ke pameran Pertanian – Festival MAHA
- menggalakkan anak menceburi bidang pertanian
- melakukan aktiviti pertanian di sekeliling rumah

Sekolah

- melalui unit kokurikulum – Kelab pertanian
- menyediakan mata pelajaran Sains Pertanian
- mendedahkan kesedaran tentang kepentingan pertanian

Kerajaan

- membuka kawasan pertanian baru
- menggalakkan penggunaan teknologi moden
- menyediakan bantuan modal, khidmat nasihat
- memasarkan hasil pertanian tanpa pelibatan orang tengah

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan peranan FAMA sahaja – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
2. Calon menghuraikan peranan FAMA dan pihak lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan peranan pelbagai pihak untuk memajukan sektor pertanian – **TERIMA SEPERTI BIASA.**

PANDUAN JAWAPAN KERTAS 2 [SET 3]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Soalan 1: Morfologi

Kata Sendi Nama:

- i) pada
- ii) dengan
- iii) daripada
- iv) di
- v) untuk

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

AYAT	POLA AYAT DASAR
Banyak pihak tidak menyedari potensi industri desa	FN+FK
pembangunan industri desa sangat penting	FN+FA
pihak bertanggungjawab harus ke kawasan luar bandar	FN+FS

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Petikan 1

BIL	SALAH	BETUL
1.	Kesibukkan	Kesibukan
2.	kuihmuih	Kuih-muih
3.	ayam kari	Kari ayam
4.	abang masak	Dimasak oleh abang
5.	Dapat	Mendapat
6.	cemelang	Cemerlang

[6 markah]

Petikan 2

BIL	SALAH	BETUL
1.	paling meriah sekali	paling meriah / meriah sekali
2.	bertitah	Berucap
3.	menasihatkan	Menasihati
4.	cermat	Bijak
5.	di seru	Diseur
6.	demi untuk	demi/untuk

[6 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

BAHASA KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya.	Kertala Sari yang datang dari Daha, membawa banyak harta berupa emas dan perak, pakaian dan wang berpuluh-puluh juta yang telah dicurinya daripada banyak orang.
Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”	Setelah Kertala Sari pulang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “ Hai ibuku, ke mana perginya bapaku kerana tidak kelihatan/ aku tidak melihatnya?”
Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang	Apabila ibunya mendengar pertanyaan anaknya itu, ibunya menangis lalu berkata, “ Hai anakku, bapamu sudah mati dibunuh

Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”	oleh seorang berbangsa Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”
---	--

[6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

1. Langkah kanan
2. Genggam bara api biar sampai jadi arang.
3. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Soalan 6

(i) **Maksud *memperoleh pengetahuan***

- mendapat/ menerima/ ilmu 2
- memperoleh ilmu 1
- mendapat/ menerima pengetahuan 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Faktor-faktor remaja memilih untuk bekerja**

Bahan 1

P1 kurangnya minat dalam bidang akademik dan menganggapnya sebagai satu beban

P2 mendapat pengalaman baharu dan hidup bebas

Bahan 2

P1 untuk hidup berdikari dengan mencari sumber kewangan sendiri

P2 membantu meringankan beban ibu bapa untuk menampung kos sara hidup keluarga yang semakin meningkat

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Kebaikan-kebaikan bekerja sendiri**

P1 boleh bekerja mengikut kesesuaian masa sendiri / tidak terikat dengan jadual kerja

P2 boleh menguruskan hal peribadi / keluarga walaupun sibuk bekerja

P3 boleh bekerja dari rumah dengan selesa / tidak perlu ke pejabat

P4 boleh bercuti pada bila-bila masa sahaja

P5 memperoleh pendapatan yang lumayan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **cara-cara yang boleh saya ambil untuk membantu rakan saya agar usahanya tercapai**

P1 menyarankan rakan mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian/ golongan pakar

P2 berkongsi maklumat tentang pinjaman/ sumber kewangan

P3 membantu rakan mencari maklumat di internet/ media sosial

P4 meminta bantuan petani/ usahawan yang telah berjaya

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) **Maksud**

P1 menghambat / memburu waktu sudah terbiasa

P2 menghambat / memburu *masa yang lali*

P3 *memburu masa* yang sudah terbiasa

Markah

2

1

1

(ii) **Kesan-kesan**

Bahan 1

P1 mereka hidup semata-mata kerana wang dan harta

P2 mereka menganggap bahawa wang akan menentukan kekuasaan seseorang

Bahan 2

P1 sanggup melanggar undang-undang untuk mendapatkan wang yang banyak

P2 sanggup mengabaikan nasihat keluarga kerana wang menjadi keutamaan mereka

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

: Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) **Tindakan-tindakan**

P1 mereka perlu dibuang kerja agar tidak menjadi ikutan kakitangan yang lain

P2 kes salah laku mereka hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka

P3 mereka perlu diminta untuk membayar ganti rugi mengikut jumlah wang yang telah mereka terima

Nota : Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Cara-cara**

P1 memberikan kata-kata semangat kepadanya

P2 membawanya berjumpa dengan kaunselor

P3 mengajaknya untuk mendekati diri kepada Tuhan

P4 mengajaknya melakukan aktiviti riadah

Nota : Cara-cara lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Keadaan Farisha

P1 langsung tidak bercerita seperti biasa

P2 duduk diam di dalam kereta

P3 mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar

P4 tidak ceria

(ii) **Novel Pantai Kasih**

Peristiwa :

Raiha bekerjasama dengan Dr Alex melakukan pembedahan kecemasan terhadap Dr Uwang yang cedera parah sewaktu kemalangan melanggar tembok Pusat Rawatan Pantai Kasih

Huraian :

Bekerjasama untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Peristiwa :

Dr Raiha dan ibu Unong Siron bekerjasama menghalang pemuda yang menyeludup masuk ke bilik bedah Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) dan seterusnya membawa pemuda tersebut keluar dari PRPK.

Huraian :

Bekerjasama untuk mengelakkan bahaya yang lebih buruk.

Novel Bima Sakti Menari

Peristiwa :

Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik bekerjasama dengan Nurul Hafsa mengambil masa seminggu untuk sama-sama menyiapkan laporan tentang Kawasan Simpan Langit Gelap sebelum membentangkan laporan tersebut di hadapan Menteri Besar Selangor.

Huraian :

Bekerjasama dalam menyiapkan laporan dan tugas untuk sesuatu projek.

Peristiwa :

Nurul Hafsa bekerjasama dengan Muhamad Taufik dan Budiman bagi melaksanakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala selangor

Huraian :

Bekerjasama membantu menyelamatkan alam sekitar daripada pencemaran cahaya.

Nota : Peristiwa bekerjasama lain boleh diterima sekiranya sesuai

Soalan 9

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Rumusan membincangkan kebaikan / kepentingan / manfaat / kelebihan dan langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha / memupuk amalan menabung dalam kalangan murid / remaja / masyarakat.	2m
P2 membincangkan kebaikan / kepentingan / manfaat / kelebihan memupuk amalan menabung dalam kalangan murid / remaja / masyarakat.	1m
P3 membincangkan langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha memupuk amalan menabung dalam kalangan murid / remaja / masyarakat	1m
Isi [16 markah]	Markah
<u>Bahan 1 :</u> <u>Fokus 1 – kebaikan memupuk amalan menabung dalam kalangan</u>	
A1 seseorang menambahkan pendapatan secara berterusan.	2m
A2 murid dapat menabung perbelanjaan persekolahan	2m
A3 melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi	2m
A4 dapat membantu remaja membiayai kos pendidikan yang sempurna	2m
A5 kehidupan masa depan lebih terjamin	2m
A6 dapat mendorong mereka untuk menjauhi pembaziran	2m
<u>Fokus 2 – langkah-langkah memupuk amalan menabung dalam kalangan murid</u>	
B1 Remaja wajarlah membuka akaun di bank dengan bantuan ibu bapa sejak kecil lagi.	2m
B2 Pihak Kerajaan juga wajar mengadakan kempen menabung di setiap agensi kerajaan.	2m
<u>Bahan 2 :</u> <u>Fokus 2 – langkah-langkah memupuk amalan menabung dalam kalangan murid</u>	
C1 Pihak Sekolah perlu mengadakan Minggu Kesedaran Menabung	2m
C2 Pihak Bank boleh menawarkan pelbagai faedah atau perlindungan insurans kepada remaja	2m
<u>Fokus 1 – kebaikan memupuk amalan menabung dalam kalangan</u>	
D1 persediaan semasa hari tua	2m
<u>Bahan 3 :</u> <u>Fokus 1 – kebaikan memupuk amalan menabung dalam kalangan</u>	
E1 hidup menjadi bahagia	2m
E2 sikap membazir pasti terelak	2m
E3 amalan dituntut oleh agama	2m

SKEMA PEMAKAHAN KERTAS 4

PETIKAN 1 : SAJAK

SEJADAH RINDU

Terkedu aku
di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang dahulu

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kautetapkan

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh

Ungkapan doa pada yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa

SOALAN

1. Apakah yang dikenang oleh penyajak?

Jawapan : **dosa yang dahulu** [1 markah]

2. Lengkapi sajak berikut.

Air mata_ menjadi saksi **keikhlasan_** menjadi bukti [2 markah]

3. Apakah yang dilakukan oleh penyajak semasa bersujud?

Jawapan : **lafaz taubat** [1 markah]

4. Nyatakan doa penyajak kepada Tuhan Yang Esa.

Jawapan : Penyajak berdoa kepada Tuhan agar
mengizinkan dirinya/ aku menjadi manusia [2 markah]
sentiasa taat akan perintah Tuhan. [2 markah]

Jawapan : izinkan aku menjadi manusia yang taat sentiasa pada perintah Maha Kuasa.

PETIKAN 2 CERPEN

Asal Padi

Pada zaman dahulu kala hidup sepasang suami isteri yang sangat kaya. Mereka memiliki kerbau dan binatang ternakan lainnya yang tidak terbilang banyaknya. Harta benda mereka tidak ternilai harganya. Suami isteri itu mempunyai dua orang anak. Kedua-duanya anak lelaki.

Hatta , maka pada suatu waktu kedua-dua orang suami isteri itu meninggal dunia. Mereka meninggalkan dua orang anaknya itu yang masih kecil. Kedua-dua anak yatim piatu itu belum dapat mencari nafkahnya sendiri kerana mereka masih terlalu kecil. Segala ternakan dan harta benda peninggalan orang tuanya habis diambil oleh orang-orang jahat, sehingga kedua-dua orang anak yatim itu melarat hidupnya. Hanya sebuah kolam ikan yang digali dan dibuat sendiri oleh ayahnya sahaja yang masih tinggal dan tidak dapat dicuri atau diambil oleh orang-orang jahat itu. Pusaka satu-satunya yang tinggal itulah yang selalu dijaga siang dan malam oleh kedua-dua orang anak yang malang itu. Anak yang sulung sudah agak besar, akan tetapi sayang sekali anak itu cacat. Kakinya kerekot, jari-jari kakinya tumbuh melekat satu sama lain, seperti kaki itik dan kedua-dua tumitnya berlubang .

Hatta, maka pada suatu hari pergilah Si Bongsu melihat-lihat kolam ikan peninggalan orang tuanya. Didapatinya dekat kolam itu tujuh orang wanita baru sahaja selesai mandi dan sedang bersiap-siap untuk berangkat pulang.

SOALAN

6. Berapakah bilangan anak suami dan isteri tersebut?
dua orang [1 markah]
7. Apakah jantina anak tersebut?
Lelaki [1 markah]
8. Nyatakan binatang ternakan yang terdapat di dalam cerita tersebut.
Kerbau [1 markah]
9. Segala ternakan dan harta benda anak yatim tersebut diambil oleh orang-orang jahat kecuali sebuah **kolam ikan** yang digali dan dibuat sendiri oleh **ayahnya**.
[2 markah]
10. Maklumat di bawah adalah benar tentang anak sulung di dalam cerita tersebut ***kecuali***
- e) Anak sulung itu cacat.
 - f) Anak sulung itu kakinya kerekot, jari-jari kakinya tumbuh melekat satu sama lain
 - g) Anak sulung itu kedua-dua tumitnya berlubang.
 - h) **Anak sulung itu kakinya seperti kaki ayam.** [1 markah]

PETIKAN 3 : BERITA

Sintok, 27 JULAI - Amalan gaya hidup sihat telah menjadi topik pilihan Pusat Kesihatan Universiti untuk menyampaikan ilmu dan maklumat kepada pelajar SMK Bandar Baru Sintok yang terletak berhampiran Universiti Utara Malaysia sebagai salah satu program khidmat masyarakat anjuran pusat tanggungjawab ini.

Lebih 500 orang pelajar tingkatan satu hingga lima berumur dalam lingkungan 13 hingga 17 tahun telah menghadiri ceramah yang disampaikan oleh En. Zuraidi bin Mokhtar, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di Bahagian Kesihatan Persekitaran Pusat Kesihatan Universiti. Ceramah ini diadakan bertujuan menggalakkan amalan-amalan gaya hidup sihat dalam kalangan remaja dari segi pemakanan, kebersihan diri, aktiviti fizikal, dan lain-lain.

Majlis tersebut dimulai dengan ucapan oleh guru kaunseling sekolah berkenaan sebelum ceramah dimulakan di dewan terbuka sekolah tersebut. Melalui program ini, pelajar-pelajar di SMK Bandar Baru Sintok didedahkan dengan amalan-amalan yang meningkatkan kualiti dan kebersihan diri. Mereka juga diberitahu tentang risiko dan bahaya aktiviti-aktiviti terlarang yang sedang merebak dalam kalangan pelajar sekolah di negara ini. Sesi soal jawab dan kuiz turut diadakan pada penghujung ceramah tersebut bagi meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar yang terlibat. Melalui aktiviti ini, hubungan antara Pusat Kesihatan Universiti dan SMK Bandar Baru Sintok dapat dipererat, memudahkan kedua-dua pihak untuk meneruskan kerjasama dalam menjalankan aktiviti dan program demi kepentingan pelajar di masa hadapan.

Soalan

Bulatkan jawapan bagi soalan 1

1. Pelajar yang menghadiri ceramah tersebut dalam lingkungan umur...

[1 markah]

- a) 13 hingga 18 tahun
- b) 13 hingga 16 tahun
- c) **13 hingga 17 tahun**
- d) 13 hingga 70 tahun

2. Siapakah yang menganjurkan ceramah tersebut?

Pusat Kesihatan Universiti

[1 markah]

3. Tajuk ceramah tersebut ialah **Amalan gaya hidup sihat**

[2 markah]

4. Majlis dimulai dengan ucapan **guru kaunseling**

[1 markah]

5. Nyatakan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar .

Soal jawab	/
Perbincangan kumpulan.	x
Kuiz	/

[2 markah]

PETIKAN 4 : SURAT

Hayati Akhbar,
Sekolah Menengah Seri Setia,
Melaka.

Ke pangkuan bonda, nenda serta adinda yang dikasihi, semoga semuanya sihat dan sejahtera.

Bonda,

Dimaklumkan bahawa anakanda di sini berada dalam keadaan sihat. Janganlah bonda berasa risau akan anakanda. Anakanda sentiasa ingat akan pesanan bonda dan nenda dahulu.

Walaupun pada masa ini anakanda berada jauh di rantau, namun anakanda dapat merasakan suasana sedih yang menyelubungi keluarga kita semenjak pemergian ayahanda yang dikasihi.

Bondaku, hidup ini tidak selalunya indah. Sebagaimana yang bonda maklum, dengan menjelang bulan Jun ini telah tiga bulan ayahanda meninggalkan kita. Selain rasa sedih yang mendalam yang menyelubungi keluarga kita, pemergian ayahanda telah menggugat persekolahan anakanda juga.

Dua bulan belakangan ini, bayaran asrama anakanda tidak beres sepenuhnya. Anakanda masih berhutang dengan pihak sekolah sebanyak empat puluh ringgit. Oleh itu, anakanda telah membuat keputusan untuk pulang ke kampung buat sementara waktu. Sekiranya anakanda terus berada di asrama ini, tentulah masalah kita akan bertambah.

Apabila anakanda pulang nanti, anakanda akan menatap potret ayahanda yang tentunya masih tergantung pada dinding ruang tamu rumah kita itu. Anakanda selalu teringat akan arwah ayahanda.

Sekianlah dahulu untuk kali ini. Sembah salam daripada anakanda untuk bonda, nenda dan adinda yang dikasihi.

Yang benar,
hayati

SOALAN

1. Surat tersebut ditujukan dari **Anakanda** kepada **Bonda** ? [2 markah]
atau **anak kepada ibu**
2. Apakah yang berlaku setelah kehilangan ayahanda?
Rasa sedih menyelubungi keluarga / keluarga rasa sedih [1 markah]
Menggugat persekolahan anakanda/ persekolahan anakanda tergugat. [1 markah]
3. Berapakah jumlah hutang asrama yang masih belum dibayar kepada pihak sekolah?
Empat puluh ringgit. [1 markah]
4. Nyatakan perkara yang akan dilakukan apabila pulang ke rumah.
Menatap potret ayahanda [1 markah]
Masih tergantung pada dinding ruang tamu [1 markah]
5. Menjelang bulan **Jun** genap **3** bulan ayahanda meninggal dunia.
[2 markah]



Hadirnya Sebuah Inspirasi...Apresiasi Buat Dermawan Dalam Dunia Literasi

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kemurahan hati **Dr. Hayati binti Jaafar** dalam usaha memperkasakan **Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur**. Sumbangan ini menjadi penyuntik semangat panel penulis agar terus berkarya. Sumbangan yang dihulurkan merupakan tanda keihklasan dan keprihatinan yang tidak ternilai, menjadikan impian penerbitan modul ini satu kenyataan.

Dengan sumbangan dan komitmen ini, kami dapat memanfaatkan ilmu, idea, dan halaman-halaman yang terkandung dalam modul ini untuk faedah warga pendidikan dan pelajar. Kerjasama ini tidak terhad dalam aspek penerbitan, namun memupuk usaha membentuk pemikiran, mencorak masa depan, dan menyebarkan ilmu dengan matlamat memberi impak yang berkekalan.

Terima kasih sekali lagi, semoga segala amalan baik yang diberikan dibalas dengan ganjaran kebaikan di sisi Allah S.W.T.

Sekalung Penghargaan Dari Kami,
Warga Pejabat Pendidikan Daerah Jasin.